

## **LOTERI UMNO MALAYA 1946 – 1969**

### **UMNO MALAYA LOTTERY 1946 – 1969**

**Abu Hanifah Bin Jamil**  
**Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)**

#### **Abstrak**

Makalah ini merupakan kajian awal berkenaan Loteri UMNO Malaya yang dilancarkan sebelum kemerdekaan di Tanah Melayu. Ia menghuraikan tentang tujuan penubuhan Loteri UMNO Malaya dan kepentingannya kepada perjuangan UMNO dalam memperbaiki keadaan kewangan masyarakat Melayu pada tahun 1940-an sehingga 1960-an. Loteri UMNO Malaya dilancarkan secara besar-besaran buat pertama kalinya pada 19 Jun 1953 bertempat di Kelab Sultan Sulaiman, Kuala Lumpur. Perlaksanaan Loteri UMNO Malaya bertujuan untuk membela nasib orang-orang Melayu. Loteri merupakan kebiasaan dalam kehidupan bermasyarakat di Tanah Melayu terutamanya sejak pertengahan abad ke-20. Ia boleh dilihat melalui pengenalan beberapa akta dan ordinan berkaitan perjudian antaranya Akta Lembaga Loteri Perkhidmatan Masyarakat dan Kebajikan 1950 – 1962, Ordinan Lembaga Loteri Perkhidmatan Masyarakat dan Kebajikan 1950, Akta Loteri 1952 dan Akta Rumah Perjudian 1953 oleh British untuk mengawal kegiatan berkaitan perjudian di Tanah Melayu. Perbincangan yang dikemukakan di dalam makalah ini adalah berdasarkan kepada sumber sejarah seperti fail-fail, surat menyurat serta akhbar sezaman. Ringkasnya, perbincangan berhubung loteri UMNO ini memberikan gambaran berhubung perkembangan sejarah sosial dalam masyarakat Melayu pada pertengahan abad ke-20. Ia juga memberikan gambaran yang jelas berhubung kedudukan agama Islam dalam kalangan masyarakat Muslim di Malaysia dalam tempoh kajian.

**Kata kunci:** Loteri UMNO Malaya, Melayu, Ekonomi, Tiket

#### **Abstract**

*This article is an early research about UMNO Malaya Lottery who has been establishing before independence. It's elaborate the purpose of the UMNO Malaya Lottery and the importance for the sake of UMNO struggling due to financial problems among the Malay's community around 1940s to 1960s. UMNO Malaya Lottery was a massive launching for the first time on 19 June 1953 at Sultan Sulaiman Club, Kuala Lumpur. The implementation of the UMNO Malaya Lottery was purposely to protect Malay's community welfare in the middle 20th century. Lottery was common among the community in Tanah Melayu especially when several gambling act and ordinance like Social and Welfare Services Lotteries Board Act 1950 – 1962, Social and Welfare Services Lottery Board Ordinance 1950, Lottery Act 1952 and the Gaming House Act 1953 were introduced from the British to control any activities about gambling in Tanah Melayu. Information in this article is referring to historical sources like files, correspondents and newspapers. In conclusion, all discussion about UMNO Malaya Lottery indicate that new social development among Malay's community had happened in the middle 20th century. Besides that, this situation can show us about Islamic religion stand related to the Muslim community in Malaysia.*

**Keyword:** UMNO Malaya Lottery, Malay, Economic, Ticket

## Pengenalan

Loteri UMNO Malaya merupakan skim loteri yang signifikan dalam membantu kebajikan masyarakat Melayu menjelang pertengahan abad ke-20. Cadangan awal penubuhan Loteri UMNO Malaya pada tahun 1940-an memberi petunjuk bahawa orang-orang Melayu mulai sedar untuk membela bangsanya yang selama ini hidup dalam penindasan dan penderitaan akibat dibelenggu penjajahan dan keganasan komunis. Sehubungan itu, makalah ini membincangkan latar belakang, perkembangan, sumbangsan dan kesan penganjuran Loteri UMNO Malaya dalam membela kebajikan bangsa Melayu pada tahun 1940-an hingga 1960-an. Kajian terhadap rekod fail-fail UMNO, surat menyurat dan akhbar sezaman menunjukkan bahawa Loteri UMNO Malaya yang dilancarkan di Tanah Melayu mendapat sokongan dan persetujuan oleh majoriti ahli UMNO sebagai manifestasi untuk menuju kepada kehidupan yang lebih baik. Kesungguhan orang-orang Melayu dalam menjayakan Loteri UMNO Malaya bermula daripada peringkat bawahan sehingga peringkat atasan telah membuaikan hasil apabila Loteri UMNO Malaya berjaya dilancarkan besar-besaran buat pertama kalinya di Tanah Melayu pada 19 Jun 1953 di Kuala Lumpur. Justeru, artikel ini diharap dapat memberi penjelasan mengenai perkembangan kegiatan Loteri UMNO Malaya sepanjang tempoh kajian.

## Latar Belakang Penganjuran Loteri UMNO Malaya<sup>1</sup>

Pada awalnya cadangan menganjurkan loteri disuarakan oleh Haji Rejab Kedah pada September 1946 yang mewakili Kesatuan Melayu Kedah. Dalam suratnya beliau memohon kepada Setiausaha Agong UMNO agar memohon nasihat daripada Mufti UMNO untuk membenarkan atau meluluskan Kesatuan Melayu Kedah menjalankan loteri untuk kebajikan orang Melayu dengan alasan kutipan derma kurang memberangsangkan.<sup>2</sup> Seterusnya usul mengadakan loteri disuarakan pula oleh Setiausaha Agong Perikatan Melayu Perak iaitu Mohd Hashim Bin Mohd Dris yang menghantar surat kepada Setiausaha Agong UMNO. Melalui suratnya beliau menyatakan Jabatan Agama Islam dan Adat Perikatan di negeri Perak tidak meluluskan permohonan mengadakan loteri tersebut. Maka beliau memohon Setiausaha Agong UMNO untuk memberikan pandangan berkenaan syor mengadakan loteri untuk kebajikan orang Melayu.<sup>3</sup> Antara lain, Setiausaha Persatuan Melayu Perak bahagian Selama mencadangkan kepada Setiausaha Agong UMNO untuk menjalankan Loteri UMNO Malaya sebagai salah satu cara untuk meningkatkan kutipan derma. Melalui surat yang diutuskan, beliau menegaskan bahawa loteri perlu diadakan kerana suasana pada ketika itu keadaan ekonomi orang Melayu sangat teruk jika dibandingkan dengan ekonomi bangsa-bangsa lain. Walaupun terdapat ulama yang menentang cadangan loteri ini, namun beliau percaya fekah membenarkan berdasarkan situasi ketika ini. Beliau menambah, keadaan masyarakat Melayu diibaratkan seperti sesat di dalam hutan yang terputus bekalan makanan. Oleh itu, dalam keadaan darurat, agama Islam membenarkan untuk memakan makanan yang haram untuk menyelamatkan nyawa.<sup>4</sup> Maka loteri perlu diadakan sebagai inisiatif untuk membantu dan menyelamatkan ekonomi orang Melayu yang selama ini dalam kesempitan. Jelasnya, cadangan demi cadangan untuk mengadakan loteri adalah berkait rapat untuk menjaga kebajikan masyarakat Melayu kerana suasana kesempitan hidup yang sangat mendesak. Segala wang yang diperolehi melalui jalan loteri

diharapkan dapat membantu meningkatkan sosioekonomi masyarakat Melayu tanpa perlu bergantung kepada bangsa-bangsa lain. Oleh itu, loteri yang diadakan khusus kepada masyarakat Melayu pada pertengahan abad ke-20 diharapkan dapat menunjukkan jalan keluar daripada segala penderitaan dan kesusahan yang dialami.

### **Perkembangan Loteri UMNO Malaya**

Loteri UMNO Malaya dinamakan juga sebagai Loteri UMNO dan Loteri Kebajikan UMNO.<sup>5</sup> Loteri ini merupakan kegiatan yang diperkenalkan oleh Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO) bertujuan untuk memperoleh dana kewangan melalui skim loteri bagi membantu kebajikan masyarakat Melayu di Tanah Melayu ekoran penderitaan dan kesusahan yang dialami sewaktu era penjajahan dan keganasan komunis.<sup>6</sup> Cetusan idea penganjuran Loteri UMNO Malaya juga adalah rentetan daripada kewujudan Loteri MCA yang telah dimulakan sejak awal tahun 1950-an bagi membantu kebajikan masyarakat Cina.<sup>7</sup> Sehubungan itu, penganjuran Loteri UMNO Malaya dilihat sebagai usaha yang mampu untuk meningkatkan kedudukan ekonomi UMNO dalam usaha membantu masyarakat Melayu.<sup>8</sup> Penubuhan Loteri UMNO Malaya telah dibincangkan dalam persidangan khas ahli-ahli alim ulama Pulau Pinang dan Seberang Perai yang diadakan di Madrasah Al-Khairiah, Pokok Sena yang dihadiri oleh kira-kira 50 orang alim ulama pada 19 Ogos 1951 dan dipengerusikan oleh Tuan Haji Abdullah Fahim selaku Mufti Pulau Pinang dan Seberang Perai.<sup>9</sup> Perbahasan loteri ini kemudiannya dibincangkan sekali lagi dalam persidangan alim ulama anjuran UMNO yang diadakan di Kelab Sultan Sulaiman, Kuala Lumpur pada 23 Ogos 1951.<sup>10</sup> Penganjuran Loteri UMNO Malaya secara besar-besaran mendapat sokongan sepenuhnya daripada majoriti ahli UMNO di Tanah Melayu.<sup>11</sup>

Berdasarkan keputusan Persidangan Majlis Mesyuarat Agung UMNO kali ke-7 yang diadakan di Seberang Prai, maka UMNO sebulat suara membenarkan dan bersetuju mengadakan Loteri UMNO Malaya.<sup>12</sup> Pengerusi UMNO iaitu Tunku Abdul Rahman bersama-sama ahli jawatankuasa kerja UMNO menyokong penuh agar penganjuran loteri ini mencapai kejayaan.<sup>13</sup> Loteri ini pada mulanya akan dilancarkan secara besar-besaran pada 7 Jun 1953 di Johor Bharu.<sup>14</sup> Namun disebabkan pada tarikh tersebut umat Islam berpuasa, maka tarikh ini ditunda kepada 19 Jun 1953 bersamaan pada hari Jumaat dan tempat pembukaan loteri akan dijalankan di Kelab Sultan Sulaiman, Kuala Lumpur dengan sasaran sekurang-kurangnya ialah \$1 juta daripada penganjuran loteri ini.<sup>15</sup> Pembukaan loteri ini telah dimaklumkan di dalam akhbar *Utusan Melayu* bertarikh 27 Mei 1953.<sup>16</sup> Pelaksanaan Loteri UMNO Malaya disasarkan sebanyak 4 kali setahun.<sup>17</sup> Pengarang majalah *Suara UMNO* sangat mengharapkan agar semua pihak bekerjasama dalam menjayakan Loteri UMNO Malaya kerana kejayaan perlaksanaan kali pertama akan menentukan langkah seterusnya.<sup>18</sup> Semua urusan berkaitan Loteri UMNO Malaya akan berhubung terus dengan Setiausaha Loteri UMNO Malaya yang berpusat di Johor Bharu.<sup>19</sup> Setiap maklumat akan disampaikan melalui setiausaha loteri yang dilantik di setiap UMNO bahagian di negeri masing-masing. Jawatankuasa kerja Loteri UMNO Malaya yang dilantik adalah seperti berikut:

1-Pengerusi Jawatankuasa Loteri UMNO Malaya : Y.B Enche C.M. Yusuf<sup>20</sup>

2-Bendahari UMNO Malaya

3-Y.B. Enche Nasaruddin Bin Haji Rais

4-Tuan Haji Ismail (Pengerusi Bahagian UMNO Seberang Prai)

5-Y.B. Dato' Haji Mohd. Eusoff Bin Yusoff (Dato' Panglima Kinta Perak)

6-Tuan S.M. Zainol Abidin B.A.<sup>21</sup>

Seterusnya, sempena penganjuran Loteri UMNO Malaya secara besar-besaran, maka sebanyak 200100 ribu helai tiket loteri telah dicetak oleh Syarikat percetakan Tye Sin Press Limited yang terletak di Carnarvan Street, Pulau Pinang.<sup>22</sup> Penjualan tiket loteri hanya dibenarkan dan sah kepada ahli UMNO sahaja.<sup>23</sup> Nombor yang tertera di tiket loteri bermula dari 120001 hingga 320100.<sup>24</sup> Setiap satu tiket loteri dijual dengan harga \$1. Oleh itu setiap ejen loteri akan diberikan komisyen sebanyak 7% daripada hasil jualan.<sup>25</sup> Contohnya ejen yang jualannya mencapai 100 helai tiket loteri akan diberikan komisyen sebanyak \$7.00.<sup>26</sup> Bagi jualan yang mencapai 5000 helai tiket, ejen akan mendapat komisyen sebanyak \$350. Walaubagaimanapun UMNO bahagian bebas untuk memberikan komisyen terhadap ejen loteri sama ada 7% atau kurang daripada itu.<sup>27</sup> Pemberian nilai komisyen yang besar ini diharapkan jualan tiket loteri mendapat sambutan yang menggalakkan. Contohnya bahagian UMNO Perak mengedarkan tiket-tiket loteri sehingga ke 20 cawangan iaitu sebanyak 15200 tiket diedarkan.<sup>28</sup> Setiap orang bebas untuk membeli sebuah atau beberapa helai tiket loteri. Pembelian tiket loteri adalah dianggap sebagai derma untuk kebajikan parti UMNO.<sup>29</sup>

Setiap helaian tiket loteri mengandungi nombor pendaftaran. Tanda merah akan dicatatkan pada helaian tiket loteri yang tidak laku dijual manakala tiket yang laku dijual diberikan tanda dengan dakwat hitam atau tidak diberikan apa-apa tanda. Hal yang demikian ini supaya tidak berlaku kekeliruan sewaktu proses pengiraan dijalankan.<sup>30</sup> Selain itu, baki tiket yang tidak terjual hendaklah dihantar ke pusat pejabat loteri dengan segera supaya dapat diikhtiarkan untuk dijual di tempat lain.<sup>31</sup> Seandainya tiket loteri telah habis dijual lebih awal daripada masa yang ditetapkan, UMNO bahagian boleh memohon sekiranya memerlukan penambahan tiket.<sup>32</sup> Setiap UMNO bahagian perlu membuat laporan ringkas berkenaan penjualan tiket loteri dari semasa ke semasa kepada Setiausaha Loteri UMNO Malaya.<sup>33</sup> Nombor tiket dan bayaran wang jualan tiket hendaklah dihantar ke Pejabat Setiausaha UMNO Malaya manakala bayaran cek dan money order hendaklah dihantar kepada Bendahari UMNO Malaya atas nama Messrs Y.C.Kang & Warren Chartered Accountants.<sup>34</sup> Penjualan tiket loteri perlu mengikut mengikut nombor secara urutan bagi memudahkan pengurusan dan proses cabutan.<sup>35</sup> Ringkasan laporan mengenai penjualan tiket hendaklah dikemaskini dari semasa ke semasa dan dimaklumkan kepada Setiausaha Loteri UMNO Malaya.<sup>36</sup>

Seterusnya, kehilangan tiket loteri perlu dilaporkan dengan segera kepada Pengerusi Jawatankuasa Loteri dan Kebajikan UMNO berserta pengakuan dan tandatangan ejen yang menghilangkannya. Nombor-nombor tiket yang hilang itu perlu dinyatakan dengan jelas di dalam surat pengakuan tersebut serta perlu mendapat pengesahan oleh bahagian audit Loteri UMNO Malaya.<sup>37</sup> Selain itu, masalah ini juga perlu dilaporkan kepada Pengerusi Jawatankuasa Loteri UMNO Malaya.<sup>38</sup> Semua nombor pendaftaran loteri perlu dilaporkan kepada Bendahari UMNO Malaya dan penyerahan wang jualan tiket serta tiket yang tidak laku hendaklah disampaikan kepada Bendahari UMNO Malaya selewat-lewatnya pada 30 Mei 1953.<sup>39</sup> Segala bayaran cek dan money order hendaklah dibayar atas nama Bendahari UMNO Malaya.<sup>40</sup> Tiket loteri turut dianggap sebagai tiket derma kerana matlamatnya adalah untuk kebajikan. Loteri UMNO Malaya yang akan dilancarkan pada 19 Jun 1953 di Kelab Sultan Sulaiman, Kuala Lumpur menawarkan hadiah yang sangat lumayan kepada para pemenang. Hadiahnya seperti berikut:

Jadual 1 : Laporan Kira-Kira Pendapatan Dan Perbelanjaan Dari 4 Jun Hingga 20 Julai 1953.<sup>41</sup>

Hadiyah Pertama	\$18340.66
Hadiyah Kedua	\$5502.20
Hadiyah Ketiga	\$1834.06
Hadiyah Keempat (2 hadiah setiap seorang bernilai RM336.80)	\$733.60
Hadiyah saguhati (6 hadiah setiap seorang bernilai RM183.41)	\$1100.46

Sumber: UMNO/KP.13/53/12. Lihat UMNO/SG-S.J.49/53, *Surat Setiausaha UMNO bahagian Kota Tinggi kepada Setiausaha Agong UMNO*

Setiap peserta loteri diingatkan bahawa seandainya nombornya tidak berjaya dalam cabutan undian maka ia dianggap sebagai derma. Pengarang Suara UMNO menyatakan:

*“Jika tuan tidak mendapat hadiahnya, maka tuan sifatkan sahajalah yang tuan telah menderma.”<sup>42</sup>*

Hadiyah kemenangan Loteri UMNO Malaya mempunyai tempoh sah laku. Menurut sumber fail UMNO/SG-Sub-Jacket-49/53, *Surat Keliling Bil : 65/53. Keputusan Lottery Kebajikan UMNO Malaya*, tuntutan hadiah hanya sah selepas 2 minggu daripada tarikh cabutan. Seandainya setelah 3 bulan tiada tuntutan hadiah dibuat, maka tiket itu akan dibatalkan dan hadiah tidak akan diberikan. Maka hadiah tersebut secara rasminya akan dimasukkan ke dalam wang perolehan Loteri UMNO Malaya. Contohnya dua hadiah saguhati bernilai \$366.82 yang tidak dituntut oleh penerima yang tiketnya bernombor 155783 dan 165489, telah dimasukkan ke dalam akaun Loteri UMNO Malaya.<sup>43</sup> Pengumuman pemenang disiarkan dalam majalah *Suara UMNO* dan akhbar Utusan Melayu bagi menggalakkan penglibatan masyarakat dalam kegiatan loteri. Penggunaan media berkenaan didorong oleh peranan media pada ketika itu yang berfungsi sebagai penyebar berita dalam kalangan masyarakat. Selain daripada hebahan dan makluman kepada pemenang, penggunaan majalah dan akhbar tersebut juga sebagai proses promosi jualan loteri kepada ahli UMNO yang lain.<sup>44</sup>

Seterusnya, Setiausaha UMNO bahagian bertanggungjawab terhadap segala perkara berkaitan Loteri UMNO Malaya seperti pengedaran tiket, pemulangan tiket, pengiraan tiket, kehilangan tiket, penyerahan wang, hutang dan sebagainya.<sup>45</sup> Seandainya berlaku kehilangan tiket loteri, maka laporan terperinci tiket loteri seperti nombor tiket dan akuan kehilangan perlu dinyatakan melalui surat yang dihantar kepada Setiausaha Loteri UMNO Malaya.<sup>46</sup> Selain itu, kehilangan tiket loteri juga perlu dilaporkan di balai polis untuk diaudit oleh bahagian audit Loteri UMNO Malaya. Butiran yang perlu disertakan dalam laporan antaranya tajuk laporan, perincian laporan, nombor laporan, lokasi balai polis, waktu kejadian, tarikh, nama

pengadu, umur, pekerjaan, lokasi tempat tinggal, jantina dan saksi. Pengakuan kehilangan ini perlu mendapat cop pengesahan daripada *Officer in Charge of Police District* (OCPD) serta cop daripada audit Loteri UMNO Malaya.<sup>47</sup> Masalah yang timbul ini menyebabkan urusan berkaitan tiket loteri menjadi lambat dan rumit. Contohnya kes kehilangan tiket loteri di dalam bas sebanyak 180 helai oleh Cikgu Salleh Bin Ngah telah berlaku di Tanjong Kling, Melaka pada 31 Mei 1953.<sup>48</sup> Kes yang kedua berlaku kepada pemandu teksi bernama Che' Adam Bin Suhor yang kehilangan sebanyak 40 tiket loteri dalam motokarnya.<sup>49</sup> Selain itu, kelambatan penyerahan tiket yang tidak laku oleh ejen loteri dan kelewatan penyerahan wang kepada UMNO bahagian merupakan masalah yang kerap berlaku. UMNO bahagian yang bertanggungjawab menjalankan penjualan tiket loteri dalam laporannya kepada Setiausaha Loteri UMNO Malaya sering menyatakan permohonan maaf atas kelewatan yang berpunca daripada ejen-ejen yang dilantik. Antaranya, laporan yang dibuat oleh Setiausaha UMNO bahagian Jelebu iaitu Encik Mohamed Bin Ujang memohon kepada Setiausaha Loteri UMNO Malaya agar mengutuskan surat kepada Che' Atan Bin Idris untuk mendesak beliau menyerahkan segera wang jualan tiket loteri.<sup>50</sup>

Terdapat juga laporan ejen tiket loteri menggunakan wang hasil jualannya atas tujuan peribadi. Laporan daripada Setiausaha UMNO Kuala Pilah dalam surat yang bertarikh 12 November 1953 menyatakan bahawa penjual tiket yang bernama Che' Gu Zainal Bin Ali berhutang sebanyak \$90.90 dan bayaran ini akan dijelaskan apabila beliau menerima gaji.<sup>51</sup> Selain itu, laporan daripada Setiausaha UMNO Kuala Pilah pada 10 Jun 1953 menyatakan bahawa terdapat dikalangan pembeli tiket loteri yang suka memilih nombor-nombor tertentu tanpa mengikut urutan nombor tiket, sedangkan nombor yang dibeli sepatutnya perlu mengikut urutan agar mudah untuk disemak dan diaudit.<sup>52</sup> Pembelian nombor tiket yang tidak mengikut urutan menyebabkan pengurusan tiket loteri menjadi tergendala dan lambat.<sup>53</sup> Oleh itu UMNO Kuala Pilah telah mencadangkan kepada Setiausaha Loteri UMNO Malaya agar mengecilkan bilangan helaian tiket dalam sesebuah buku iaitu sebuah buku mengandungi 25 helai atau 50 helai tiket sahaja. Melalui cara ini, maka akan memudahkan urusan wakil-wakil penjual tiket loteri untuk menyemak dan agar keselamatan tiket terjaga.<sup>54</sup>

Tiket loteri yang terlalu banyak menyebabkan berlakunya kekeliruan terhadap ejen untuk mengenal pasti sama ada nombor di tangannya telah dijual, tidak laku atau hilang. Kes seperti ini pernah dilaporkan berlaku di UMNO bahagian Kuantan berdasarkan surat yang diutuskan kepada Setiausaha Loteri UMNO Malaya pada tarikh 20 Julai 1953.<sup>55</sup> Seterusnya, pengeluaran tiket yang terlalu banyak juga menyebabkan berlakunya sedikit kesilapan dalam percetakan nombor pada tiket loteri. Melalui laporan oleh Setiausaha UMNO Kuantan menerangkan bahawa terdapat seorang pemilik tiket loteri yang membeli tiga helai tiket bernombor 155783 hingga 155785. Tetapi yang menghairankan bahawa tiket di tengahnya bernombor 155774. Setelah membuat semakan semula, maka benarlah berlaku kesilapan dalam percetakan nombor loteri yang sepatutnya ditulis 155784.<sup>56</sup>

Pelbagai cara dilakukan oleh wakil-wakil penjual tiket Loteri UMNO Malaya bagi memastikan tiket mereka habis dijual walaupun dengan cara yang tidak dibenarkan. Pernah dilaporkan bahawa seorang pekedai berbangsa Cina yang bernama Cheok Lay Lock telah didatangi oleh seorang wakil penjual tiket loteri UMNO pada tarikh 20 Mei 1953 yang menawarkan kepada beliau keahlian UMNO dan menjanjikan keistimewaan apabila membeli tiket Loteri UMNO Malaya. Wakil penjual tiket loteri itu lalu menyerahkan sebanyak 100 helai tiket dan

mengumpulkannya kembali berserta duit sebanyak \$47 pada 15 Jun 1953. Manakala semua lebihan tiket diserahkan semula kepada wakil penjual tiket tersebut. Namun selang beberapa hari selepas tarikh cabutan, pekedai tersebut berasa kesal tidak mendapat sebarang maklumat mengenai keputusan cabutan loteri dan juga tidak menerima sebarang sijil yang mengesahkan bahawa dia adalah ahli UMNO.<sup>57</sup>

Seterusnya, segala wang perolehan daripada Loteri UMNO Malaya yang diundi pada tarikh 19 Jun 1953 akan disimpan di dalam *UMNO Sweep Account* melalui Hongkong & Shanghai Banking Corporation.<sup>58</sup> Pemilihan bank ini oleh UMNO disebabkan ia merupakan badan kewangan yang aktif dalam saluran kebaikan dan hubungannya yang rapat dengan aktiviti kemasyarakatan.<sup>59</sup> Wang loteri ini hanya akan dibelanjakan untuk tujuan kebaikan dan dikenakan cukai sebanyak 20%.<sup>60</sup> Wang jualan tiket loteri yang tidak sempat diserahkan sebelum hari cabutan perlu diserahkan segera selepas tarikh 19 Jun 1953. Laporan rasmi jumlah hutang yang dibayar dan baki hutang perlu dimaklumkan kepada Bendahari UMNO Malaya.<sup>61</sup> Selain itu, surat pengakuan kerana belum menyerahkan bayaran wang perlu dibuat untuk tujuan perekodan.<sup>62</sup> Selain itu, Setiausaha Loteri UMNO Malaya perlu membentangkan secara lengkap laporan kira-kira pendapatan loteri kepada Bendahari UMNO Malaya.<sup>63</sup> Namun, sehingga tarikh cabutan loteri berlangsung, wang Loteri UMNO Malaya tidak dapat dikumpulkan sepenuhnya atas sebab-sebab tertentu. Contohnya pada surat bertarikh 26 September 1953, Setiausaha Loteri UMNO Malaya mengirimkan wang sebanyak \$785.85 kepada Bendahari UMNO Malaya dan dilaporkan masih terdapat baki wang yang belum dapat diserahkan kerana terdapat pihak yang masih berhutang.<sup>64</sup>

Setiap pegawai yang ditugaskan untuk mengendalikan penjualan loteri, maka maklumat peribadi seperti nama, alamat dan tempat bertugas hendaklah dihantar oleh UMNO bahagian kepada pejabat UMNO. Seandainya berlaku pertukaran pegawai, perlu dimaklumkan dengan segera.<sup>65</sup> Setiap UMNO bahagian yang menjalankan penjualan tiket loteri perlu melaporkan perkembangan dari semasa ke semasa kepada badan audit, bendahari dan pejabat UMNO agar maklumat terkini dapat diketahui.<sup>66</sup> Mesyuarat Jawatankuasa Loteri UMNO Malaya yang dijalankan pada hari Jumaat bersamaan 15 Mei 1953 sebulat suara bersetuju melantik Tuan Y.C.Kang sebagai Bendahari UMNO Malaya buat pertama kalinya. Manakala Brown, Philips & Stewart dilantik sebagai badan audit Loteri UMNO Malaya.<sup>67</sup> Setiap urusan menyurat berkaitan loteri perlu mendapat cop daripada badan audit yang dilantik. Mereka juga bertanggungjawab untuk mengeluarkan nombor tiket yang hilang dan tiket yang tidak dikembalikan sebelum proses cabutan dibuat.<sup>68</sup> Bendahari dan audit perlu memeriksa dan memastikan tiket loteri serta segala dokumen yang diperoleh daripada UMNO bahagian adalah tepat.<sup>69</sup> Tiket yang tidak dikembalikan ke UMNO bahagian pada masa yang ditetapkan dianggap sebagai tidak terjual. Bendahari dan audit Loteri UMNO Malaya perlu menghebahkan nombor tiket loteri yang tidak terjual kepada orang ramai di dalam akhbar supaya tidak timbul permasalahan ketika hari cabutan.<sup>70</sup> Lampiran perbelanjaan dan pendapatan serta ikatan kira-kira Loteri UMNO Malaya perlu dinyatakan secara terperinci oleh badan audit.<sup>71</sup>

Pelbagai cara hebahan tiket loteri dilakukan untuk memaklumkan kepada masyarakat. Antaranya melalui hebahan di dalam majalah. Contohnya makluman mengenai penjualan tiket Loteri UMNO Malaya dan tarikh cabutan dihebahkan melalui majalah *Suara UMNO* selaku penyampai lidah rasmi UMNO. Selain itu, saluran akhbar turut berperanan penting untuk menyalurkan maklumat berkaitan Loteri UMNO Malaya. Contohnya *Utusan Melayu* yang bertarikh 27 Mei 1953 memaklumkan bahawa pembukaan tiket loteri ditangguhkan sehingga 19 Jun 1953.<sup>72</sup>

Cara seterusnya ialah melalui poster yang dikirimkan kepada setiap UMNO bahagian. Setiap UMNO bahagian bertanggungjawab untuk mengedarkan poster atau iklan ke seluruh UMNO bahagian dalam daerah tersebut agar maklumat mengenai loteri tersebut dan mendapat sambutan yang menggalakkan.<sup>73</sup>

Jadual 2 : Senarai Agihan Tiket Loteri UMNO Malaya Di Setiap Cawangan UMNO Perak<sup>74</sup>

BIL	CAWANGAN	NOMBOR TIKET	HELAIAN
1-	Kaum Ibu Ipoh	196001 - 196200	200 helai
2-	Kaum Ibu Parit	196201 - 196250	50 helai
3-	Ipoh	196251 - 197250	1000 helai
4-	Kuala Kangsar	197251 - 198250	1000 helai
5-	Larut & Matang	198251 - 198750	500 helai
6-	Dinding	198751 - 199750	1000 helai
7-	Parit	285001 - 287000	2000 helai
8-	Lenggong	287001 - 287500	500 helai
9-	Selama	287501 - 288000	500 helai
10-	Tanjong Malim	199801 - 200000	200 helai
11-	Tapah	288001 – 288500 295401 - 295900	1000 helai
12.	Gopeng & Kampar	195501 - 196000	500 helai
13-	Krian	288501 - 291000	2500 helai
14-	Hilir Perak	291001 - 293500	2500 helai
15-	Kaum Ibu Kuala Kangsar	293501 - 293700	200 helai
16-	Batu Gajah	293701 - 294000	300 helai
17-	Kaum Ibu Batu Gajah	199751 - 199800	50 helai
18-	Bagan Datoh	294001 - 295000	1000 helai
19-	Chemor	295001 - 295050	50 helai
20-	Tanjong Rambutan	295051 – 295100 295301 - 295400	150 helai

Sumber: UMNO/SG NO.1/1953

Jadual 3 : Laporan Penjualan Tiket Loteri Yang Dihantar Oleh Setiausaha UMNO Bahagian Kuala Pilah, Negeri Sembilan<sup>75</sup>

(a)	Tiket yang diterima di waktu Mesyuarat Agung di Melaka		5000 helai
(b)	Tiket yang dikembalikan pada 10.5.53	600 helai	
(c)	Tiket yang dikembalikan pada 6.6.53	1691 helai	
(d)	Tiket yang dikembalikan hari ini (12.6.53) Nombor tiket 176862-176900	39 helai	
JUMLAH KESELURUHAN TIKET			5000 – 2330 : 2670 helai
(e)	Jumlah yang dijual termasuk yang tidak laku dan masih di tangan wakil-wakil atau penjual		2670 helai

(f)	Wang jualan dijangka	\$2670.00	
(g)	Komisyen 7%	\$186.90	
(h)	Wang yang sepatutnya dihantar ke ibu pejabat	\$2670 -\$186.90 :\$2483.10	
(i)	Wang yang sebenar dihantar	\$2060.00	
(j)	Baki yang belum dihantar	\$423.10	
(k)	Wang yang dihantar bersama M.O.N.O / 3471	\$35.00	
	<b>BAKI</b>		<b>\$388.00</b> (jumlah 0.10 tidak dimasukkan di dalam baki)
	TIKET YANG MASIH DI TANGAN WAKIL-WAKIL	JUMLAH TIKET	
1.	Che' Abdul Samad Bin Idris	230	
2.	Che' Abdul Malek Bin Yunus	50	
3.	Che' Gu Zainal Bin Ali	77	
4.	Che' Adam Bin Suhor	40	
5.	Che' Abu Bakar Bin Abdullah	20	
	JUMLAH KESELURUHAN	417	\$417.00
	KOMISYEN 7 %		\$29.00
			\$417 - \$29 :\$388
	<b>BAKI</b>		<b>\$388.00</b>

Sumber: UMNO/KP.13/53/18

Berdasarkan laporan ini jelas menunjukkan bahawa ahli-ahli UMNO sama ada lelaki mahupun perempuan sangat komited untuk melihat kejayaan penganjuran Loteri UMNO Malaya demi kebaikan masyarakat Melayu terbelia. Loteri UMNO Malaya yang dijalankan pada 19 Jun 1953 telah berjaya dilaksanakan buat pertama kali di Tanah Melayu dan nama peserta dan nombor tiket yang berjaya dipilih dalam cabutan tersebut ialah:

- a) Tempat pertama – 294403 - Inche' Abdul Ghafar Bin Othman<sup>76</sup>
- b) Tempat kedua – 137119 - Tuan Fakeh Sutan Bin Abdul Aziz<sup>77</sup>
- c) Tempat ketiga – 141429 – Peserta dari Tasek Junjong
- d) Tempat keempat – 207975 – Peserta dari Segamat  
- 312003- Peserta dari Kuala Selangor
- e) Saguhati: 155784 – Peserta dari Pahang Timor  
204253 – Enche Ibrahim Bin Haji Mahmud<sup>78</sup>  
165489 – Peserta dari Seremban  
246491 – Peserta dari Klang  
168112 – Peserta dari Seremban  
167092 – Peserta dari Seremban

Jadual 4 : Penyata Pendapatan Dan Perbelanjaan Loteri UMNO Malaya Dari 4 Jun Hingga 20 Julai 1953<sup>79</sup>

PERBELANJAAN		PENDAPATAN		
Gaji dan Elaun	\$2111		Tiket yang dijual di Persekutuan dengan harga \$1 : 1 Tiket	\$55706
Iklan dan cetak mencetak	\$3082		Bayaran komisyen	\$3830.63
Tambang dan perjalanan	\$2097.12		Bayaran hadiah :	\$51875.37
Stamp dan kawat	\$294.73		Hadiyah Pertama	\$18340.66
Alat surat menyurat	\$539.40		Hadiyah Kedua	\$5502.20
Jamuan	\$227.25		Hadiyah Ketiga	\$1834.06
Komisyen Bank	\$51.84		Hadiyah Keempat (2 hadiah setiap satu bernilai \$336.80)	\$733.60
Bayaran Audit	\$700	\$9104.11	Hadiyah saguhati (6 hadiah setiap satu bernilai \$183.41)	\$1100.46
Lebihan pendapatan daripada perbelanjaan yang telah dimasukkan ke dalam ikatan kira-kira		\$15260.28		\$27510.98
<b>JUMLAH</b>		<b>\$24364.39</b>		<b>\$24364.39</b>

Sumber: UMNO/KP.13/53/12

Jadual 5 : Penyata Kira-Kira Loteri UMNO Malaya Pada 20 Julai 1953<sup>80</sup>

TANGGUNGAN			KEPUNYAAN		
<u>Penyata pendapatan dan perbelanjaan</u>			<u>Kepunyaan pada tarikh di atas</u>		
Lebihan pendapatan daripada perbelanjaan dari 4 Jun hingga 20 Julai 1953		\$15260.28	Bahagian/Cawangan berhutang	\$1046.54	
<u>Tanggungan sedia ada</u>			Cash di dalam bank	\$15463.97	\$16510.51
Hadiah belum dituntut	\$550.23				
Hutang belum dijelaskan	\$700	\$1250.23			
<b>JUMLAH</b>		<b>\$16510.51</b>			<b>\$16510.51</b>

Sumber: UMNO/KP.13/53/12

Jadual 6 : Sumbangan Loteri UMNO Malaya Bagi Tahun 1953 Dan 1954<sup>81</sup>

Tahun	Perkara	Jumlah Sumbangan	Jumlah Keseluruhan
1953	Mangsa tahanan di Ipoh	\$500	
	Mangsa tahanan di Kuala Lumpur	\$800	
	Mangsa tahanan di Majedi, Johor Bharu	\$717.20	
	Mangsa tahanan di Pangkalan Chepa	\$40	
	Isteri kepada mangsa tahanan Tamby Sidek	\$60	
	Isteri kepada mangsa tahanan Mohd. Dom	\$35	
	Bantuan biasiswa – Kolej Melayu Kuala Kangsar (MCKK)	\$1608	
	Sekolah Perempuan Methodist (MGS), Kuala Lumpur	\$303	
	Jawatankuasa <i>Al-Junid Road Fires</i> , Singapura	\$516	
	Sumbangan tabung Penyakit Tuberculosis (T.B) di Hospital Lady Templer, Kuala Lumpur	\$625	
	Kontigensi (pos dan lain-lain)	\$2.38	
	<b>Jumlah keseluruhan pada tahun 1953</b>		\$5206.58
<b>1954</b>	<b>Perkara</b>	<b>Jumlah</b>	
	Isteri mangsa tahanan iaitu Itam Binti Jaafar	\$240	
	Isteri mangsa tahanan iaitu Maimunah Binti Haji Hassan	\$60	
	Mangsa tahanan – Ahmad Bustamam Wahi Annuar Mustapha (India Muslim)	\$20 \$10	
	Lain-lain keperluan tahanan dan kontigensi	\$76.40	
	Pakaian mangsa tahanan di Penjara Johor Bharu	\$66.10	
	Pakaian mangsa tahanan di Kem Majedi, Johor Bharu	\$138.50	
	Kelab Sosial Universiti, Singapura	\$100	
	Kalungan bunga untuk mendiang pegawai penasihat British di Johor	\$30	

	<b>Jumlah keseluruhan pada tahun 1954</b>		\$741
	<b>Jumlah keseluruhan pada tahun 1953 dan 1954</b>		\$5206 + \$741
			\$5947.58

Sumber: UMNO/SG NO.49/53

Jadual menunjukkan hasil sumbangan Loteri UMNO Malaya terhadap aktiviti kebajikan bagi dua tahun berturut-turut iaitu tahun 1953 dan 1954. Tahun 1953 menyaksikan sumbangan bantuan yang besar terhadap para tahanan di Ipoh, Kuala Lumpur, Johor Bharu dan Pengkalan Chepa yang keseluruhannya berjumlah \$2057.20. Sehubungan itu, data ini menunjukkan UMNO sangat komited dalam menjaga kebajikan para tahanan yang majoritinya di kalangan bangsa Melayu. Contohnya dilaporkan seramai 20 orang anggota UMNO bahagian Selatan yang diketuai oleh Encik Ahmad Jabri Mohd Akib iaitu anggota Dewan Undangan kawasan Pulau-pulau Selatan bersama-sama Encik Amad Rahmat selaku Setiausaha UMNO bahagian Selatan pernah mengunjungi Pulau Senang di Singapura untuk melawat orang-orang tahanan pada Hari Raya dengan membawa kain baju dan bekalan makanan seperti kuih-muih dan ketupat.<sup>82</sup> Selain itu, UMNO bahagian Seremban pernah menganjurkan derma kuih hari raya di di kalangan seluruh ahli UMNO Seremban untuk disumbangkan kepada orang-orang miskin, di rumah-rumah sakit dan orang-orang tahanan.<sup>83</sup> Selain bantuan kepada para tahanan, sumbangan juga disalurkan kepada para isteri tahanan antaranya kepada isteri Tamby Sidek dan isteri kepada Mohd Dom yang masing-masing berjumlah \$60 dan \$35.

Dalam bidang pendidikan, Kolej Melayu Kuala Kangsar atau *Malay College Kuala Kangsar* tersenarai sebagai salah sebuah institusi pendidikan yang mendapat bantuan biasiswa hasil kutipan Loteri UMNO Malaya iaitu sebanyak \$1608. Manakala Sekolah Perempuan Methodist, Kuala Lumpur memperoleh bantuan sebanyak \$303. Bantuan kesihatan pula disalurkan kepada Hospital Lady Templer, Kuala Lumpur sebanyak \$625 untuk mengisi tabung penyakit Tuberculosis (Tibi). Kontigensi, pos dan lain-lain ialah sebanyak \$2.38. Tahun 1954 memperlihatkan bantuan yang disumbangkan oleh Loteri UMNO Malaya semakin berkurangan berbanding tahun sebelumnya. Sumbangan kepada isteri para tahanan masih diteruskan antaranya Itam Binti Jaafar yang memperoleh sebanyak \$240, manakala Maimunah Binti Haji Hassan sebanyak \$60. Mangsa tahanan iaitu Ahmad Bustamam dan Wahi Annuar masing-masing memperoleh bantuan sebanyak \$20 dan \$10. Barang-barang keperluan seperti pakaian disalurkan kepada mangsa-mangsa tahanan di penjara Johor Bharu dan Kem Majedi, Johor Bharu iaitu berjumlah \$204.60. Manakala bantuan gigi palsu terhadap para tahanan disumbangkan oleh Loteri UMNO Malaya sebanyak \$76.40 pada tahun 1954. Selain itu, bantuan pendidikan kepada Kelab Sosial Universiti di Singapura sebanyak \$100 dan akhir sekali bantuan kalungan bunga kepada mendiang penasihat British di Johor Bharu iaitu sebanyak \$30. Jumlah bantuan menunjukkan perbezaan yang agak ketara antara tahun 1953 dan tahun 1954. Tahun 1953 bantuan Loteri UMNO Malaya ialah sebanyak \$5206. Jumlah bantuan ini adalah sangat tinggi jika dibandingkan dengan tahun selepasnya. Hal ini mungkin disebabkan pelancaran Loteri UMNO Malaya julung-julung kali diadakan di Tanah Melayu mendapat sambutan yang menggalakkan daripada majoriti masyarakat Melayu. Namun, jumlah bantuan

Loteri UMNO Malaya menyusut sebanyak \$4465.58 pada tahun 1954 iaitu jumlah bantuan hanya sebanyak \$741.

Semenjak darurat diisytiharkan di Tanah Melayu pada tahun 1948, ramai di kalangan orang-orang Melayu yang ditangkap dan dipenjarakan kerana disyaki terlibat dengan kegiatan keganasan. Kesan daripada penangkapan ini, kehidupan orang-orang tahanan dalam keadaan yang menyedihkan dan kebajikan ahli keluarga mereka turut terabai. Oleh itu, bermula daripada perlantikan Tunku Abdul Rahman sebagai pengurus UMNO, maka pelbagai langkah dan usaha telah diambil untuk membebaskan para tahanan di samping membantu kebajikan para ahli keluarga tahanan yang terlibat.<sup>84</sup> Sehubungan dengan itu, antara dana yang digunakan untuk tujuan kebajikan bagi membantu orang-orang tahanan dan ahli keluarganya ialah dengan menggunakan wang hasil loteri. Peruntukan wang loteri digunakan untuk membebaskan para tahanan, membeli pakaian, makanan, minuman, mengendalikan kes perbicaraan, mengadakan program ziarah ke penjara, mengadakan acara hiburan dan sebagainya.<sup>85</sup> Pada hari raya, ahli-ahli UMNO bahagian yang bertanggungjawab terhadap kebajikan para tahanan akan menziarahi para tahanan dengan membawa buah tangan.<sup>86</sup> Sepanjang tempoh sebelum merdeka, tidak kurang daripada 600 orang Melayu dipenjarakan atas tahanan politik yang kebanyakannya hanyalah disyaki menentang kerajaan namun dipenjarakan tanpa usul periksa.<sup>87</sup>

Antara lain, cadangan pembinaan bangunan Rumah UMNO di Kuala Lumpur sebagai markas ibu pejabat UMNO di seluruh Malaya telah diusulkan Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj. Rumah UMNO yang bakal didirikan ini menjadi simbol kewujudan parti UMNO di Tanah Melayu.<sup>88</sup> Hasrat ini mendapat respon yang positif oleh majoriti masyarakat Melayu. Walaubagaimanapun, kos pembinaan bangunan Rumah UMNO dijangka menelan perbelanjaan sebanyak \$200 ribu yang merupakan jumlah yang terlalu besar.<sup>89</sup> Pelbagai ikhtiar mengumpulkan wang segera dikerahkan dalam menjayakan pembinaan Rumah UMNO di seluruh Tanah Melayu. Selain kutipan derma yang giat dijalankan, Loteri UMNO Malaya juga telah digerakkan sebagai inisiatif untuk mencari sumber kewangan dan sebahagian wang hasil loteri digunakan untuk menampung perbelanjaan pembinaan Rumah UMNO.<sup>90</sup> UMNO bahagian Seremban juga pernah memohon kepada kerajaan Negeri Sembilan agar memberi kelulusan mengadakan loteri bagi mencari dana untuk membiayai pembinaan Rumah UMNO bahagian Seremban apabila cadangan ini diusulkan dan diluluskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Bahagian UMNO Seremban yang bersidang pada 6 September 1952.<sup>91</sup> Pemilihan mendapatkan wang melalui jalan loteri juga disebabkan kutipan yuran ahli UMNO juga tidak mampu menampung segala aktiviti kebajikan yang ingin dilaksanakan oleh parti UMNO.<sup>92</sup> Antara lain UMNO Kelantan turut pernah memohon untuk mengadakan loteri bagi tujuan kutipan pembinaan bangunan dan kebajikan sosial masyarakat di Kelantan. Antara bahagian yang terlibat ialah Kota Bharu, Pasir Mas, Pasir Puteh dan Ulu Kelantan.<sup>93</sup>

Di Kedah iaitu sekitar tahun 1951, parti UMNO pernah menjalankan kegiatan loteri bagi mengumpul dana untuk membina rumah UMNO di Alor Setar untuk kebajikan para ahli UMNO di Kedah. Antara tawaran hadiah yang lumayan kepada para pemenang ialah sebuah motokar, motosikal, radio, sepasang permata dan mesin jahit. Sebelum cabutan dijalankan, acara hiburan seperti joget telah diadakan.<sup>94</sup> Antara tahun 1950-an hingga 1960-an, UMNO di seluruh Tanah Melayu giat mengadakan aktiviti hiburan iaitu *Fun Fair*<sup>95</sup> yang sinonim dengan kegiatan loteri. Keputusan Mesyuarat Agung UMNO di Butterworth telah menetapkan agar *Fun Fair* diadakan di seluruh UMNO bahagian bagi mengumpul dana untuk pembinaan bangunan Rumah UMNO di Kuala Lumpur.<sup>96</sup> Lazimnya, penganjuran *Fun Fair* memperoleh sambutan

yang tinggi di kalangan masyarakat dan penganjurannya memakan masa beberapa hari. Contohnya UMNO bahagian Sungai Tiram, Pulau Pinang pernah mengadakan *Fun Fair* untuk membina bangunan UMNO dikawasannya. Selain itu, penganjuran *Fun Fair* juga pernah dianjurkan oleh Kaum Ibu UMNO Johor atas tujuan kutipan derma rumah UMNO negeri yang dianggarkan bernilai \$50 ribu. Penganjuran *Fun Fair* oleh UMNO mendapat sokongan penuh daripada pemimpin negara antaranya Tunku Abdul Rahman. Contohnya sewaktu menjawat jawatan Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman pernah merasmikan pembukaan *Fun Fair* anjuran UMNO di Telok Kumbar, Pulau Pinang yang diadakan selama 15 hari.<sup>97</sup>

Selepas era kemerdekaan, Kaum Ibu UMNO Kuala Lumpur memainkan peranan penting dalam memastikan parti UMNO terus mampu bersaing dengan bangsa-bangsa lain. Oleh itu, sebagai langkah mencari dana pembinaan bangunan Kaum Ibu UMNO di Kuala Lumpur, maka cabutan loteri UMNO pernah diadakan di kediaman Puan Sharifah Rodziah. Hasil perlaksanaan cabutan loteri ini, sejumlah wang sebanyak \$7 ribu berjaya dikumpulkan bagi menampung kos pembinaan bangunan Kaum Ibu UMNO yang menelan perbelanjaan sebanyak \$80 ribu.<sup>98</sup> Bagi menggalakkan kehidupan yang lebih aktif, pembinaan balai raya untuk menjalankan aktiviti kemasyarakatan dipungut melalui sumbangan hasil penganjuran Loteri UMNO Malaya dan derma orang ramai. Contohnya di Melaka, kerajaan bertungkus lumus memastikan loteri berjalan lancar dan menetapkan sasaran sebanyak \$300 ribu daripada hasil kutipan loteri. Selain kutipan loteri, kerajaan Melaka turut menyumbang sebanyak \$100 ribu bagi menampung kos pembinaan balai raya di Melaka.<sup>99</sup> Bagi menjamin kelancaran parti UMNO untuk berkhidmat kepada masyarakat, maka wang kutipan Loteri UMNO Malaya digunakan untuk membina dewan. Contohnya UMNO bahagian Batang Padang pernah mengusulkan pembinaan sebuah dewan yang bakal berfungsi sebagai ibu pejabat UMNO dan dewan ini akan diberi nama Dewan Merdeka. Untuk mendapatkan dana pembinaan dewan tersebut, maka UMNO bahagian Batang Padang telah melancarkan loteri dan setiap satu tiket loteri dijual dengan harga \$1. Cabutan loteri akan berlangsung pada 31 Disember 1959 di *Chinese Club Hall*. Hadiah lumayan ditawarkan kepada para pemenang loteri antaranya ialah kereta berjenama Hillman, motosikal berjenama Triumph, peti ais Singer, mesin jahit, radio dan beberapa hadiah saguhati.<sup>100</sup> Sumbangan Loteri UMNO Malaya terhadap Derma Kebajikan Am turut mendapat kelulusan daripada Setiausaha Loteri UMNO Malaya dan Bendahari UMNO. Majalah *Suara UMNO* bertarikh 1 Oktober 1953 mendedahkan sebanyak \$14213.74 wang hasil Loteri UMNO Malaya telah disalurkan kepada Derma Kebajikan Am. Jumlah ini menurun agak banyak berbanding jumlah sumbangan yang lalu iaitu sebanyak \$24676.68 iaitu perbezaan sebanyak \$10462.94. Oleh itu jumlah keseluruhan sumbangan yang diterima daripada Loteri UMNO Malaya iaitu sebanyak \$38890.42.<sup>101</sup>

Loteri UMNO Malaya yang bergerak di hampir seluruh negeri di Tanah Melayu adalah bermatlamatkan untuk mengisi dana kutipan tabung kebajikan UMNO seandainya berlaku kecemasan. Oleh itu di setiap majlis keraian atau pertandingan maka akan diselitkan aktiviti loteri yang dianggap sebagai pelengkap kepada sesuatu majlis. Contohnya Badan Kebajikan UMNO Melaka menganjurkan pertandingan Ratu Batek yang merupakan salah satu acara dalam pertunjukan Malam Batek dan Kugiran. Bagi memeriahkan majlis di samping memungut sumbangan derma kebajikan, maka loteri diadakan. Kebiasaannya kutipan hasil loteri sangat drastik kerana kehadiran tetamu yang ramai.<sup>102</sup> Antara lain ialah pertandingan Piala Kejohanan Kugiran Melaka yang menampilkan 14 kumpulan kugiran turut disertakan cabutan loteri UMNO seperti yang dinyatakan dalam akhbar *Berita Harian* bertarikh 5 Oktober 1968.<sup>103</sup> Tabung

UMNO yang sentiasa dalam ‘kekeringan’ menyebabkan UMNO bahagian di seluruh Tanah Melayu kerap berusaha mencari dana bagi mengisi tabung kebajikan. Contohnya UMNO bahagian Hilir Perak pernah mengambil inisiatif menganjurkan *Fun Fair* selama 3 minggu di Chenderong Balai, Perak atas tujuan untuk mengisi tabung pergerakan pemuda UMNO.<sup>104</sup>

Seterusnya, pendidikan orang-orang Melayu adalah satu perkara yang sangat dititikberatkan dalam perjuangan UMNO. Walaupun mengetahui penganjuran Loteri UMNO Malaya adalah ditegah dalam agama Islam, namun ahli-ahli UMNO bertekad untuk meneruskannya demi kewangan dan kelangsungan parti UMNO :

*“That our religion prohibits lotteries. But it does not stipulate that such a ban cannot be waived in time of dire need. Such a need has now arisen. We want UMNO to live and we must have money”<sup>105</sup>*

Inche Naim Bin Sukram menegaskan :

*“We need funds to run UMNO smoothly. We have big plans for welfare work but UMNO has so far been handicapped by lack of funds. We cannot always depend on others to help us”<sup>106</sup>*

Pelancaran Loteri UMNO Malaya bagi mengumpul dana pelajaran di bawah Tabung Derma Pelajaran UMNO ternyata membawa hasil apabila mendapat sambutan menggalakkan di kalangan ahli-ahli UMNO. Contohnya pergerakan pemuda UMNO Pulau Pinang berjaya menganjurkan Malam Derma Pelajaran di dewan UMNO selama dua malam berturut-turut. Dana yang terkumpul daripada penganjuran majlis ini akan digunakan sebagai derma pendidikan terhadap pelajar-pelajar Melayu yang daif.<sup>107</sup> Tahun 1965 menyaksikan Negeri Terengganu di bawah parti UMNO melancarkan kutipan derma Yayasan Tunku Abdul Rahman melalui penjualan tiket loteri. Penjualan tiket loteri dilancarkan sewaktu lawatan Tunku Abdul Rahman untuk merasmikan bangunan UMNO Terengganu. Sebanyak 100 ribu helai tiket loteri dijual dengan harga serendah 0.50 sen bagi mengumpul dana sebanyak \$50 ribu bagi tujuan membantu pendidikan anak-anak Melayu dan bumiputera yang bernaung di bawah Yayasan Tunku Abdul Rahman. Pemenang bertuah membawa pulang pelbagai hadiah menarik antaranya motokar Opel Rekord bagi pemenang pertama, motosikal bagi pemenang kedua dan mesin jahit bagi pemenang ketiga.<sup>108</sup> Selain membantu pelajar-pelajar sekolah, Tabung Derma Pelajaran UMNO juga menyediakan bantuan pendidikan untuk ke universiti. Contohnya derma anjuran UMNO bahagian Sepang meningkat kepada \$3500 apabila kutipan dijalankan bagi membantu seorang pelajar Melayu dari Kampung Bangkong, Sepang untuk melanjutkan pelajaran ke universiti.<sup>109</sup>

### **Kesan Penganjuran Loteri UMNO Malaya**

Pengenalan Loteri UMNO Malaya di Tanah Melayu mengundang polemik yang hebat antara para pemerintah, ahli agama, ahli politik dan orang awam. Para ilmuwan agama sendiri saling berbeza pendapat untuk menentukan sama ada perlaksanaan loteri ini adalah halal atau haram kerana masing-masing mempunyai hujah dan alasan yang kukuh terhadap perlaksanaan loteri. Contohnya perjumpaan alim ulama pernah diadakan di Kuala Kangsar bagi membincangkan hukum hakam berkaitan loteri. Hasil daripada perbincangan itu para ulama masih tidak mencapai kata sepakat untuk menentukan sama ada kegiatan loteri adalah halal atau haram namun secara

majoritinya berpendapat ianya haram.<sup>110</sup> Pencarian fatwa berkaitan hukum hakam loteri terus diperluaskan sehingga melibatkan fatwa-fatwa ulama di negara-negara Islam antaranya dari negara Mesir dan Palestin.<sup>111</sup>

Ahli agama dari Mesir iaitu Shaikh Rahman Isa selaku Pengarah Pengajian Islam dan Bahasa Arab di Universiti al-Azhar, Kaherah pernah mengeluarkan fatwa bahawa jualan, pembelian dan penerimaan hadiah daripada loteri adalah diizinkan menurut hukum Islam dan tidak haram walaupun atas tujuan untuk mendapatkan hadiah.<sup>112</sup> Shaikh Abdul Rahman Isa juga menambah bahawa sebagai satu badan yang beramal semata-mata untuk kebajikan, maka loteri yang bertujuan kebajikan bukan sahaja tidak boleh diharamkan malah hukumnya adalah harus pada sisi syarak.<sup>113</sup> Fatwa Mufti Terengganu, Tuan Yusof Alzawawi berpendapat bahawa penggunaan wang loteri adalah halal dan keputusan ini mendapat perkenan oleh Sultan Terengganu. Pesuruhjaya Hal Ehwal Agama Negeri Terengganu, Encik Bachik Bin Abdul Jalal menegaskan bahawa kerajaan Terengganu menjadikan fatwa ini sebagai sandaran keharusan loteri di negeri Terengganu dan tidak akan mengikuti tindakan kerajaan Kelantan yang mengharamkan penggunaan wang loteri.<sup>114</sup> Penjelasan hukum loteri oleh Tuan Yusof Alzawawi turut disokong oleh fatwa Jabatan Agama Johor yang membenarkan penggunaan wang loteri atas tujuan membantu umat Islam seperti membina surau.<sup>115</sup>

Fatwa keharusan loteri oleh Shaikh Rahman Isa telah dikecam hebat oleh ulama dari Singapura iaitu Tuan al-Shaikh Bin Shaikh Balfagih yang mengatakan bahawa kata-kata oleh Shaikh Rahman Isa itu bukanlah fatwa tetapi hanya pandangan beliau sahaja dan pandangan beliau ini perlu ditolak kerana loteri tetap haram di sisi Islam. Tuan al-Shaikh Bin Shaikh Balfagih menegaskan:

*“Sa-bagai saorang manusia yang selalu di-suroh berfikir, janganlah kita menganggap apa yang datang bukan sahaja dari Azhar tetapi dari mana sekali pun baik semuanya”<sup>116</sup>*

Majlis Ulama Perak turut menyokong pengharaman loteri kerana pandangan ini selaras dengan majoriti ulama di Tanah Melayu. Pengharaman ini juga bertepatan dengan Undang-undang Persekutuan Tanah Melayu bermombor 26 tahun 1953 yang menyebutkan bahawa loteri adalah sejenis perjudian.<sup>117</sup> Mufti Pulau Pinang dan Seberang Perai iaitu Tuan Haji Abdullah Fahim menegaskan bahawa Loteri UMNO Malaya adalah haram. Keputusan muktamad ini sebulat suara dicapai dalam persidangan para alim ulama telah dilangsungkan di Madrasah Al-Khairiah. Persidangan ini dihadiri oleh 50 orang para alim ulama dan dipengerusikan oleh Tuan Haji Abdullah Fahim. Antara alasan pengharaman Loteri UMNO Malaya adalah kerana ianya mirip kepada loteri kelab-kelab lumba kuda yang wujud pada ketika itu.<sup>118</sup> Ekoran fatwa yang dikeluarkan pada tahun 1951 ini, maka Setiausaha Loteri UMNO Malaya telah menghantar surat kepada Bendahari UMNO Malaya. Namun fatwa ini tidak diambil endah oleh parti UMNO. Maka menjelang tahun 1953, loteri merupakan antara sumber ekonomi UMNO.<sup>119</sup> Antara lain Sheikh Abdul Rahman Bin Haji Abdul Latif yang mewakili negeri Kedah dalam fatwanya menerangkan bahawa hukum loteri adalah haram dan hasil loteri tidak boleh digunakan untuk sebarang perkara yang melibatkan agama Islam. Beliau juga menegaskan bahawa sebarang pembelian tiket loteri adalah termasuk dalam aktiviti perjudian.<sup>120</sup> Sheikh Abdul Rahman menyatakan bahawa fatwa pengharaman ini adalah selaras dengan fatwa beberapa ulama lain antaranya Sheikh Muhamat Bahat, Sheikh Ahmad Ripai, Sheikh Mustafa Abu Siaf Al-Mamami, Tuan Sheikh Habib, Tuan Sheikh Muhamad Ali Bin

Hussin.<sup>121</sup> Seterusnya fatwa yang dikemukakan oleh Mufti Melaka iaitu Tuan Haji Hassan Bin Haji Abu Bakar menerangkan bahawa wang loteri adalah haram berdasarkan keputusan yang dibuat di dalam Muzakarah Ulama-ulama Sa-luroh Persekutuan yang diadakan di Kuala Lumpur. Pendapat Mufti Melaka ini telah disambut dengan berbelah bahagi oleh penduduk-penduduk Islam di negeri Melaka.<sup>122</sup>

Sikap UMNO yang ingin melihat kebijakan orang-orang Melayu terbela mengatasi hukum hakam loteri itu sendiri. Atas alasan membela kebijakan orang-orang Melayu, ia menjadi hujah oleh parti UMNO untuk membenarkan penganjuran loteri diadakan di Tanah Melayu. Contohnya Encik Hanafi Bin Mohd Yunus yang mewakili Parti Perikatan dari Kulim Utara menyokong penuh perlaksanaan loteri atas alasan untuk membantu masyarakat yang menderita di kampung-kampung.<sup>123</sup> UMNO melihat perlaksanaan kegiatan loteri adalah suatu keperluan bagi melepaskan orang-orang Melayu daripada bebanan kemiskinan yang diwarisi sejak dari era penjajahan dan selepas kemerdekaan. Tuan Haji Mokhtar Bin Ismail wakil Perikatan dari Perlis Selatan menegaskan bahawa loteri adalah diharuskan kerana keadaan Tanah Melayu dalam situasi darurat dan menghadapai cabaran dalam pembangunan.<sup>124</sup> Tunku Abdul Rahman menempelak kepada golongan yang gemar mengatakan bahawa Loteri UMNO Malaya adalah haram namun pada masa yang sama ia tidak menyumbang apa-apa usaha :

*“It was a pity that when UMNO wanted to organise a lottery, our people said that our lottery is religiously illegal. In fact, everything is illegal to them. They were the very people who could not contribute even \$1”<sup>125</sup>*

Penubuhan PAS yang sinonim dalam perjuangan Islam dilihat sangat tegas dalam hal yang melibatkan hukum halal dan haram. PAS di seluruh bahagian di Tanah Melayu secara majoritinya menentang sekeras-kerasnya perlaksanaan loteri dan menghukumkannya sebagai haram kerana dianggap sebagai salah satu bentuk perjudian.<sup>126</sup> Contohnya Dewan Ulama PAS di Kelantan telah memutuskan dengan sebulat suara bahawa semua jenis loteri adalah haram.<sup>127</sup> Pengharaman kegiatan loteri oleh Dewan Ulama PAS di Kelantan disokong oleh Dewan Ulama PAS Cawangan Pulai 3, Telok Anson yang menyatakan bahawa wang loteri adalah haram bagi tujuan kebijakan Islam.<sup>128</sup> Encik Abdul Wahab Bin Noor selaku Pesuruhjaya PAS Perak menegaskan bahawa keputusan pengharaman loteri oleh PAS adalah selaras dengan hukum al-Quran dan hadis dan orang yang menghalalkan loteri adalah terpesong daripada ajaran al-Quran dan hadis.<sup>129</sup> Wakil-wakil PAS dalam persidangan Dewan Rakyat turut membantah sekeras-kerasnya perlaksanaan loteri di Tanah Melayu. Tuan Zulkiflee Muhammad wakil PAS di daerah Bachok menyatakan bahawa kerajaan menggalakkan orang ramai untuk terlibat dalam kegiatan perjudian melalui pengenalan loteri. Selain itu Inche Othman Abdullah wakil PAS daerah Tanah Merah menyimpulkan bahawa ramai orang Islam telah menjadi musyrik kesan daripada amalan loteri itu.<sup>130</sup> Tuan Zulkiflee Muhammad menambah bahawa loteri menatijahkan kesan yang tidak baik kerana sumber wang tersebut diperoleh daripada rakyat jelata yang mengharapkan kekayaan semata-mata malah terdapat di kalangan rakyat yang terpaksa menjual kerusi meja rumahnya untuk membeli tiket-tiket loteri.<sup>131</sup>

Penganjuran loteri juga mendapat pelbagai reaksi daripada sultan-sultan di Tanah Melayu. Penganjuran loteri mendapat perkenan daripada Sultan Selangor apabila baginda turun mencemar duli dengan merasmikan pembukaan Sekolah Mahat Sollehudin Abdul Aziz Shah Batu 38, Sabak Bernam. Pembinaan sekolah ini sebahagian besarnya menggunakan perbelanjaan daripada hasil kutipan loteri.<sup>132</sup>

Situasi yang sama turut berlaku di Perak apabila Sultan Perak menunjukkan sambutan yang baik terhadap penganjuran loteri apabila berkenan untuk merasmikan sebuah masjid di Rapat Setia dan sebuah kawasan perumahan di Gunung Rapat.<sup>133</sup> Antara lain, Sultan Perak juga turut bersetuju merasmikan pembukaan Dewan Bandaran di Sungai Siput yang dibina menggunakan dana loteri. Pembinaan dewan ini adalah bertujuan untuk kegunaan orang ramai yang boleh memuatkan seramai 1000 orang.<sup>134</sup> Respon positif daripada Sultan Terengganu terhadap loteri dapat dilihat apabila Sultan Nasaruddin Shah berbesar hati untuk merasmikan pembukaan bangunan baharu di Madrasah Puteri Kuala Terengganu pada Mei 1961 yang dibina menggunakan peruntukan wang loteri.<sup>135</sup> Manakala di Kelantan, penganjuran loteri mendapat bantahan sultan apabila para imam dan Lembaga Pengurus Sekolah-Sekolah Ugama di nasihatkan oleh Sultan Kelantan agar melarang sebarang pembinaan masjid, madrasah dan sekolah agama menggunakan wang loteri.<sup>136</sup> Seterusnya di Kedah, sultan telah meletakkan beberapa syarat yang membolehkan penggunaan wang loteri. Wang loteri diizinkan untuk kegunaan kebajikan seandainya dimasukkan ke dalam hasil mahsul kerajaan. Sultan menegaskan sekiranya wang loteri tidak dilaksanakan seperti yang dititahkan, maka hukumnya tetap haram menurut Islam.<sup>137</sup>

## Kesimpulan

Penganjuran Loteri UMNO Malaya sebagai mekanisme mengumpul dana loteri bagi tujuan kebajikan masyarakat Melayu khususnya mendapat sokongan penuh terutamanya di kalangan ahli UMNO selaku pertubuhan yang memperjuangkan hak kebajikan masyarakat Melayu. Bermula daripada cadangan pelaksanaan pada tahun 1946 sehingga tarikh cabutan pada 19 Jun 1953 jelas menampakkan perancangan kerjasama yang sistematik bermula daripada usaha pihak atasan sehingga peringkat bawahan bagi merealisasikan kejayaan Loteri UMNO Malaya yang julung kalinya diadakan secara besar-besaran di Tanah Melayu. Namun begitu, terdapat segelintir di kalangan ejen loteri yang menunjukkan sikap sambil lewa dan tidak amanah terhadap tanggungjawab yang diberikan. Hasil perolehan loteri memperlihatkan pelbagai bantuan sosial dapat disalurkan kepada masyarakat Melayu antaranya bantuan terhadap para tahanan, kesihatan, pendidikan dan sebagainya. Justeru, bantuan kewangan ini sedikit sebanyak dapat meringankan bebanan kesusahan yang ditanggung oleh masyarakat Melayu sekitar pertengahan abad ke-20. Polemik berkaitan isu Loteri UMNO Malaya mewujudkan dua fatwa di kalangan agamawan yang khilaf dalam memberikan pandangan sama ada penganjuran loteri halal atau haram. Hal ini terjadi kerana setiap ulama mempunyai sisi pandangan yang berbeza dalam menegakkan hujah sehingga isu loteri memberi impak yang besar dalam kehidupan masyarakat Muslim di Tanah Melayu sepanjang tempoh kajian.

Nota

\***Abu Hanifah Bin Jamil** ([innu\\_asha84@yahoo.com](mailto:innu_asha84@yahoo.com)) merupakan pelajar sarjana (Sejarah Malaysia) dari Jabatan Sejarah, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Beliau bertugas sebagai seorang guru di Sekolah Menengah Kebangsaan Telok Gadong, Klang.

<sup>1</sup> Antara matlamat penubuhan UMNO ialah “memajukan faedah-faedah orang negeri dan khasnya ahli UMNO yang berkenaan dengan perkara-perkara siasah dan kebajikan hidupnya serta kebudayaannya dan iqtisadnya”. *Suara UMNO*, 1 Februari 1952.

<sup>2</sup> UMNO/SG.NO.76/1946, *Proposal For A Lottery*.

<sup>3</sup> Ibid.

<sup>4</sup> Ibid.

<sup>5</sup> Ibid. Lihat UMNO/BHG/T.5/53, *Lottery Kebajikan UMNO*. Lihat UMNO/Sg-Sub-Jacket-49/53, *Surat Keliling Bil : 65/53*. Lihat *Suara UMNO*, 1 April 1953, bil. 3. Sebelum pelancaran Loteri UMNO Malaya besar-besaran pada 19 Jun 1953, UMNO-UMNO bahagian telah menjalankan loteri di kawasan masing-masing atas keperluan tertentu. Contohnya UMNO bahagian Seremban telah mengadakan loteri bagi menampung kos pembinaan Rumah Ibu Pejabat UMNO bahagian Seremban. Antara hadiah yang ditawarkan kepada para pemenang ialah motorkar, motorsikal, mesin jahit, jam tangan, dapur minyak tanah dan lain-lain yang nilainya berharga \$10 ribu. Lihat UMNO/BS 76/52, *Permohonan menjalankan Lottery U.M.N.O Bahagian Seremban dan membebaskan daripada bayaran chukai*. Selain itu, surat bertarikh 10 Jun 1951 menyatakan bahawa UMNO bahagian Pasir Puteh, Pasir Mas, Kota Bharu dan Ulu Kelantan telah bersama-sama mengadakan loteri bagi tujuan pembinaan bangunan dan kebajikan sosial. Lihat UMNO/SG/07/1951, *Loteri UMNO Kelantan*.

<sup>6</sup> Tahun 1957 hingga 1969 merupakan tempoh yang sangat mencabar bagi pentadbiran Tunku Abdul Rahman. Antaranya ialah beliau terpaksa menangani ancaman komunis yang diwarisi dari sejak zaman kolonial. Oleh itu pemerkasaan masyarakat Melayu dalam bidang ekonomi menjadi terhalang. Lihat Jamaie Haji Jamil, “Kepimpinan Politik : Pola Kepimpinan Politik UMNO”, *Akademika* 62, Januari 2003, hlm. 24.

<sup>7</sup> *The Straits Times*, “The sweep pestilence”, 4 September, hlm. 6. Parti MCA juga pernah menawarkan wang setengah juta kepada orang-orang Melayu untuk menjalankan loteri. Oleh itu, orang-orang Melayu di bawah parti UMNO telah menerima tawaran ini atas nama kebajikan. Lihat *The Straits Times*, “MCA salesmanship”, 11 Februari 1955, hlm. 6. Loteri MCA yang dilihat begitu menyerlah sokongannya kerana menjalankan misi kebajikan, walaubagaimanapun telah ditamatkan operasinya pada tahun 1953 disebabkan oleh tindakan Sir Gerald Templer yang mengharamkan sebarang bentuk loteri yang dijalankan oleh sebarang organisasi politik. Segala bantuan kebajikan akan diteruskan oleh pihak kerajaan. Antara sebab pengharaman Loteri MCA adalah sebagai helah oleh British untuk melemahkan gabungan UMNO dan MCA yang dilihat boleh menggugat kekuasaan British di Tanah Melayu. Sir Gerald Templer pernah berkata: “*One has the feeling that no political organisations in this country should be allowed to become too strong or too powerful financially, whatever the means used. Politically the people of this country cannot be achieved by any individual or group of individuals, however powerful they may become*”. Lihat *The Straits Times*, “MCA lottery ends”, 25 Jun 1953, hlm. 1. Kejayaan Loteri MCA yang membantu penempatan semula setinggan orang-orang Cina menjadi faktor penggerak terhadap parti UMNO untuk menganjurkan loteri. Sejak permulaan Loteri MCA dianjurkan pada tahun 1951, sebanyak \$16 juta telah diperoleh melalui loteri. Oleh itu, \$9.5 juta disalurkan kepada hadiah, manakala 6.5 juta disalurkan kepada parti untuk menjalankan kebajikan. Lihat *The Straits Times*, “Political Lotteries”, 16 September 1952, hlm. 6.

<sup>8</sup> *The Straits Times*, “Lottery Plan Approved”, 25 Mac 1951, hlm. 1. Isu ekonomi orang Melayu banyak ditekankan oleh Za’ba dalam penulisannya kerana kemunduran ekonomi menyebabkan bangsa Melayu akan terus ketinggalan dan diperkotak-katikkan oleh penjajah. Seruan Za’ba agar orang Melayu terus bangkit telah disiarkan dalam akhbar berbahasa Inggeris dan Bahasa Melayu antaranya *Utusan Melayu*, *Lembaga Melayu*, *Pengasuh*, *The Malay Mail*, *The Straits Times*, *Journal of the Malayan Branch of the Royal Society*, *Islamic Review*, *The Muslim* dan lain-lain. Lihat Ermy Azziaty Rozali dan Mohammad Redzuan Othman, “Jalan Keselamatan Bagi Orang-Orang Melayu : Pemikiran Za’ba Bagi Memajukan Pendidikan Dan Ekonomi Pada Tahun 1920-an”, *Journal of the Department of History*, 2017, hlm. 20-21.

<sup>9</sup> *Utusan Melayu*, “Loteri UMNO dan alim ulama Pulau Pinang”, 20 Ogos 1951, hlm. 6.

<sup>10</sup> *Suara UMNO*, 15 Ogos 1951, hlm. 17. Sumber yang lain menyatakan persidangan di Kuala Lumpur berlaku pada bulan Julai 1951, Lihat *Majalah UMNO 10 Tahun 1946 – 1956*, hlm. 61.

<sup>11</sup> *Suara UMNO*, 1 Jun 1953, hlm. 14.

<sup>12</sup> *Suara UMNO*, 1 Mei 1953, hlm. 9. Lihat UMNO/SG – 49/51, *Surat Keliling Bil : 73/52 (Lottery UMNO)*.

<sup>13</sup> *The Straits Times*, “Now the Malays may get lottery”, 30 Ogos 1952, hlm. 1. Loteri untuk membantu ekonomi bukanlah sesuatu yang asing dalam budaya pemerintah terdahulu. Contohnya jurnal bertajuk “Kontroversi Lotto Dalam Pelaksanaan Pon VII Tahun 1969 Di Surabaya” menghuraikan secara panjang lebar berkaitan loteri yang dilaksanakan oleh pemerintah Surabaya untuk menangani krisis ekonomi yang berlaku pada tahun 1960-an. Pengenalan loteri di Surabaya yang merupakan pusat ekonomi di Jawa Timur adalah bermatlamat untuk membantu pembangunan kota Surabaya dengan mengambil contoh seperti yang dilakukan oleh Gabenor Ali Sadikin yang memajukan kota Jakarta

melalui aktiviti perjudian. Lihat Dwi Redha Iktamala, “Kontroversi Lotto Dalam Pelaksanaan PON VII Tahun 1969 Di Surabaya”, *e-Journal Pendidikan Sejarah*, Vol.3, No. 3, Oktober 2015, hlm. 255.

<sup>14</sup> UMNO/SEL NO.5/53, *Lottery UMNO Malaya. Dibuka pada 7.6.1953*. Lihat UMNO/SG.NO49/53, *Mesyuarat Jawatankuasa Lottery Kebajikan UMNO Bilangan 1/53*.

<sup>15</sup> *Suara UMNO*, 1 Jun 1953. Hlm. 14. Lihat UMNO/SG NO.1/1953, *Surat daripada Hasnul Abdul Hadi kepada Ahli2 Jawatankuasa Kerja Agong UMNO, Ahli2 Jawatankuasa Hal-Ehwal Wang, Ahli2 Jawatankuasa Lottery Kebajikan UMNO*. Lihat UMNO/SG NO.49/53, *Mesyuarat Jawatankuasa Lottery Kebajikan UMNO Bilangan 2/53*. Pada asalnya pelancaran Loteri UMNO Malaya dicadangkan untuk diadakan di Johor Bharu iaitu di padang depan Capitol, jam 8 malam. Lihat *The Straits Times*, “*Lottery by UMNO*”, 6 September 1952, hlm. 9. Lihat UMNO/SG no.49/53, *First UMNO Welfare Lottery Drawn On 19<sup>th</sup> June 1953*. Lihat UMNO/SG-49/53, *Surat Keliling Bil : 60/53*.

<sup>16</sup> UMNO/KP.13/53/12

<sup>17</sup> *Suara UMNO*, 1 April 1953, bil. 3. Laporan di dalam akhbar *The Straits Times* menyatakan Loteri UMNO Malaya bakal dijalankan setiap 3 bulan sekali dan tiket yang dijual berharga \$1. Sebanyak 50 peratus hasil loteri akan dimasukkan ke dalam tabung kebajikan UMNO. Lihat *The Straits Times*, “*Now the Malays may get lottery*”, 30 Ogos 1952, hlm. 1.

<sup>18</sup> *Suara UMNO*, 1 Mei 1953, hlm. 9.

<sup>19</sup> *Suara UMNO*, 1 Jun 1953, hlm. 14.

<sup>20</sup> Beliau merupakan Pengurus Jawatankuasa Loteri UMNO Malaya yang pertama dan beliau meletakkan jawatan pada April 1953. Lihat UMNO/SG 49/1953.

<sup>21</sup> UMNO/SG-49/51. *Surat Keliling Bil : 73/52 Lottery UMNO*. Lihat *Suara UMNO*, 1 Jun 1953, hlm. 14. Lihat UMNO/SG-49/53.

<sup>22</sup> UMNO/SG NO.49/53, *Printing 200,100 lottery tickets for UMNO*.

<sup>23</sup> Dinyatakan bahawa “*This is to certify that all tickets sold for the above lottery were sold to members of the United Malays National Organisation only*”. UMNO/SG NO.49/53.

<sup>24</sup> Ibid. Manakala dalam fail yang lain dinyatakan nombor tiket bermula dari 100101 hingga 300200. Lihat UMNO/SG NO.1/1953, *Lottery No.1 – Dibuka Pada 19 June 1953*.

<sup>25</sup> UMNO/SG-49/53, *Surat oleh Dr. Ismail Bin Abdul Rahman (Pengurus Jawatankuasa Lottery UMNO) kepada semua ketua-ketua bahagian UMNO*. Lihat UMNO/KP.13/53/18, *Ticket2 Lottery UMNO*.

<sup>26</sup> Ibid. Lihat *The Straits Times*, “*UMNO to run big lottery*”, 8 Januari 1953, hlm. 8.

<sup>27</sup> UMNO/SEL NO.5/1953, *Lottery UMNO : Surat Keliling Bilangan 73/52*. Lihat UMNO/SG-49/53.

<sup>28</sup> UMNO BHG/T.5/53, *List ticket2 lottery yang telah di-beri ka-chawangan2 UMNO Perak*.

<sup>29</sup> *Suara UMNO*, 1 Jun 1953, hlm. 14.

<sup>30</sup> UMNO / SEL NO.5/53, *Surat oleh Abdul Karim Bakri (Setiausaha UMNO Bahagian Kuala Lumpur) kepada Messrs Y.C.Kang & Warren*.

<sup>31</sup> UMNO/SEL NO.5/53, *Peringatan, register nombor untuk di-gunakan oleh bahagian sahaja*.

<sup>32</sup> Ibid.

<sup>33</sup> UMNO/SG-49/53, *Surat Keliling Bil : 44/53, Mesyuarat Jawatankuasa Lottery Kebajikan UMNO Bilangan 1/53*.

<sup>34</sup> Ibid.

<sup>35</sup> Ibid.

<sup>36</sup> Ibid.

<sup>37</sup> UMNO/KP13/53/23, *Ticket Lottery Kebajikan UMNO*.

<sup>38</sup> Ibid.

<sup>39</sup> UMNO/SEL NO.5/53, *Lottery UMNO: Surat Keliling Bilangan 73/52*.

<sup>40</sup> Ibid.

<sup>41</sup> UMNO/KP.13/53/12. Lihat UMNO/SG-S.J.49/53, *Surat Setiausaha UMNO bahagian Kota Tinggi kepada Setiausaha Agong UMNO*. Lihat *Pejabat Setiausaha Agong. Bayaran Kepada : Inche Abdul Ghaffar Bin Othman (44/308)*. Namun berdasarkan maklumat dalam majalah *Suara UMNO*, pemenang hadiah pertama memperoleh sebanyak \$50000, kedua \$15000, Ketiga \$5000, Keempat (2 hadiah setiap satu bernilai \$1000), Kelima (6 hadiah setiap satu bernilai \$500). *Suara UMNO*, 1 Jun 1953, hlm.14. Lihat *The Straits Times*, 25 Mac 1953, “*UMNO sweep first prize is \$50 000*” hlm. 9. Selain wang tunai, hadiah Loteri UMNO Malaya juga diberikan dalam bentuk barang seperti kereta, motosikal, televisyen, mesin jahit, radio, basikal dan kipas angin. Lihat *Berita Harian*, “*Usaha mengisi Yayasan Tengku dengan jualan loteri*”, 11 September 1965, hlm. 5. Lihat *Berita Harian*, “*Putusan loteri kebajikan UMNO Melaka*”, 18 Oktober 1968, hlm. 2. Lihat *Berita Harian*, “*Pekedai dua kali bertuah*”, 23 Oktober 1968, hlm. 6. Lihat *The Straits Times*, “*Gets new car for \$1*”, 9 Februari 1953, hlm. 5.

<sup>42</sup> *Suara UMNO*, 1 Jun 1953, hlm. 14.

- <sup>43</sup> UMNO/SG-Sub-Jacket-49/53, *Surat Keliling Bil : 65/53. Keputusan Lottery Kebajikan UMNO Malaya*. Lihat UMNO/SG NO.1/1953.
- <sup>44</sup> UMNO/SG-Sub-Jacket-49/53, *Surat Keliling Bil : 65/53. Keputusan Lottery Kebajikan UMNO Malaya*.
- <sup>45</sup> Ibid.
- <sup>46</sup> UMNO/KP.13/53/23
- <sup>47</sup> *Federation of Malaya Police*, Ptg. 380/31. Pol. 51A. No report 2091/53. Nombor tiket yang hilang iaitu dari 129521 hingga 129700.
- <sup>48</sup> Ibid.
- <sup>49</sup> UMNO/KP.13/53/12. *Ticket No.175411 – 175433, 175435 – 175450, 40 ticket.*
- <sup>50</sup> UMNO/BJ-11/52. *Kira2 jualan Lottery UMNO*.
- <sup>51</sup> UMNO/KP.13/53/29, *Hutang Jualan Ticket2 Lottery*.
- <sup>52</sup> UMNO/KP.13/53/17, *Ticket Lottery UMNO*.
- <sup>53</sup> Ibid.
- <sup>54</sup> Ibid.
- <sup>55</sup> UMNO CH/Ktn.24/51, *Keputusan Lottery Kebajikan UMNO Malaya*.
- <sup>56</sup> Ibid.
- <sup>57</sup> UMNO/SG NO-1/1953, *Surat Cheok Lay Lock kepada Mrs. Y.C.Kang & Warren*.
- <sup>58</sup> UMNO/SG.NO 49/53, *Mesyuarat Jawatankuasa Lottery Kebajikan UMNO Bilangan 1/53*. Lihat UMNO/SG NO.7/1950, *Hongkong & Shanghai Banking Corp. Johore Bharu*.
- <sup>59</sup> Contohnya Mr. R. M. Meyer pernah menyalurkan sumbangan Dana Kecemasan Perang atau *Malay War Distress Fund* melalui Hongkong and Shanghai Bank. Lihat *The Singapore Free Press and Mercantile Advertiser*, “Distress Fund”, 13 Januari 1942, hlm. 6. Selain itu, bank ini juga pernah menyumbang hadiah untuk memenuhi dana tabung Universiti Malaya. Lihat *Malaya Tribune*, “Another \$50,000”, 8 September 1949, hlm. 1. Seterusnya, Hongkong and Shanghai Bank juga pernah menjadi bank pilihan bagi saluran Dana Bantuan Malaya atau *Malaya Relief Fund* yang merupakan sebuah organisasi kebajikan. Antara bank lain yang terlibat ialah The Chatered Bank, The Mercantile Bank, Eastern Bank dan Oversea-Chinese Bank. Lihat *Malaya Tribune*, “Malaya Relief Fund”, 5 Disember 1945, hlm 4/1. Dana Bantuan Banjir Persekutuan Tanah Melayu atau *F. M. S Floods Relief Fund* juga pernah disalurkan melalui Hongkong and Shanghai Bank. Lihat *The Singapore Free Press and Mercantile Advertiser (Weekly)*, “F.M.S Floods Relief Fund”, 26 Januari 1927, hlm. 57. Antara lain, bank ini sangat aktif dalam penglibatan aktiviti kesukanan. Contohnya perlawanan bola sepak pernah diadakan antara pasukan Hongkong and Shanghai Bank menentang pasukan E. E. Tel. Co.’s XI. Lihat *Malaya Tribune*, “E. E. Tel. Co. vs Hongkong and Shanghai Bank”, 19 Oktober 1927, hlm. 10. Seterusnya perlawanan persahabatan juga pernah diadakan antara pasukan Hongkong and Shanghai Bank menentang pasukan Indian Recreation Club. Lihat *The Singapore Free Press*, “Today’s Sport”, 22 Februari 1956, hlm. 20.
- <sup>60</sup> UMNO/SG NO.1/1953, *Surat Hasnul Hadi kepada Ahli2 Jawatankuasa Kerja Agong UMNO, Ahli2 Jawatankuasa Hal-Ehwal Wang, Ahli2 Jawatankuasa Lottery Kebajikan UMNO*. Lihat UMNO/SG NO.49/1953, *Duty on the UMNO Lottery*. Berdasarkan surat bertarikh 27 Jun 1953, menunjukkan bahawa jumlah cukai yang dikenakan hasil cabutan Loteri UMNO Malaya ialah sebanyak \$11,004.40. Lihat UMNO/SG NO.49/53.
- <sup>61</sup> UMNO.Bhg.BP/KLG.58/52-53, *Lottery UMNO Malaya*. Lihat UMNO/SG NO.1/53, *Surat Setiausaha Loteri UMNO Malaya kepada Bendahari UMNO Malaya*.
- <sup>62</sup> UMNO.Bhg.BP/KLG.58/52-53.
- <sup>63</sup> UMNO/SG – 49/53, *Surat Keliling Bil : 44/53*
- <sup>64</sup> Ibid.
- <sup>65</sup> Ibid.
- <sup>66</sup> Ibid.
- <sup>67</sup> *Mesyuarat Jawatankuasa Lottery Kebajikan UMNO bil 1. 15/5/1953*, hlm. 2. Lihat UMNO/SG NO.49/53, *Mesyuarat Jawatankuasa Lottery Kebajikan UMNO Bilangan 1/53*.
- <sup>68</sup> UMNO/SG NO.1/1953.
- <sup>69</sup> Ibid.
- <sup>70</sup> Ibid.
- <sup>71</sup> Ibid. Lihat UMNO/SG-49/53.
- <sup>72</sup> UMNO/SG-Sub-Jacket-49/53. Lihat UMNO/KP.13/53/12
- <sup>73</sup> UMNO/SEL 5/1953. *Surat Hasnul Hadi (Setiausaha, Pejabat Lottery dan Kebajikan UMNO kepada semua Setiausaha Bahagian UMNO)*. Lihat UMNO/SG-49/53.
- <sup>74</sup> UMNO/SG NO.1/1953.

<sup>75</sup> UMNO/KP.13/53/18.

<sup>76</sup> Lihat UMNO/SG NO.49/53, *Bayaran kepada Inche' Abdul Ghaffar Bin Othman, Bagan Datoh, Perak*. Abdul Ghafar Bin Othman merupakan ahli UMNO bahagian Bagan Datok, Perak. Lihat UMNO/BD-6/53, *Keputusan Lottery Kebajikan UMNO Malaya*.

<sup>77</sup> UMNO/SG NO.49/53, *Bayaran kepada Inche' Sutan Bin Abd Aziz, Kota Tinggi*. Beliau merupakan Setiausaha UMNO cawangan Batu 4 di Kota Tinggi, Johor. Lihat UMNO/6/52. Bil.6, *Lottery Kebajikan UMNO Malaya*. Lihat UMNO/SG-S.J.49/53

<sup>78</sup> UMNO/SG NO.49/53, *Bayaran kepada Enche Ibrahim Bin Haji Mahmud, Batu Pahat*.

<sup>79</sup> UMNO/KP.13/53/12.

<sup>80</sup> Ibid.

<sup>81</sup> UMNO/SG NO.49/53.

<sup>82</sup> *Berita Harian*, “Kueh mueh kpd orang2 tahanan di-Pulau Senang”, 3 Mac 1963, hlm. 5. Lihat *Berita Harian*, “UMNO S’pura minta kueh dari ahli2 untok raya”, 27 Januari 1964, hlm. 5.

<sup>83</sup> *Berita Harian*, “Mengumpulkan kueh untok hadiah kapada orang sakit”, 1 Februari 1965, hlm. 6.

<sup>84</sup> *Majalah UMNO 10 Tahun 1946 - 1956*, hlm. 167.

<sup>85</sup> Ibid., hlm. 89.

<sup>86</sup> Ibid.

<sup>87</sup> Ibid., hlm. 167. Lihat *Suara UMNO*, 1 April 1953, hlm. 11. Selain UMNO, parti MCA juga telah menyalurkan dananya untuk membantu para tahanan orang-orang Melayu terutamanya sewaktu sambutan Hari Raya dan bantuan terhadap pendidikan orang-orang Melayu. Lihat *The Straits Times*, “The Malay masses and UMNO”, 30 April 1952, hlm. 6.

<sup>88</sup> *Majalah UMNO 10 Tahun 1946 - 1956*, hlm. 86.

<sup>89</sup> Ibid., hlm. 161.

<sup>90</sup> Selain dana loteri, pembinaan Rumah UMNO juga adalah hasil sumbangan derma orang-orang Melayu. Setiap nama penyumbang berserta nilai sumbangan akan disiarkan di dalam majalah *Suara UMNO*. Antara lain, dana pembinaan Rumah UMNO juga diperolehi melalui jualan gambar-gambar dan aktiviti *Fun Fair*. Lihat *Suara UMNO*, 1 Mei 1953, hlm. 7.

<sup>91</sup> UMNO/BS 76/52. *Permohonan menjalankan Lottery U.M.N.O Bahagian Seremban dan membebaskan daripada bayaran chukai*. Lihat N.S.1318/52.

<sup>92</sup> *Majalah UMNO 10 Tahun 1946 – 1956*, hlm. 166-167.

<sup>93</sup> UMNO/SG – 107/51, *UMNO Kelantan Building & Social Fund*.

<sup>94</sup> *The Straits Times*, “UMNO starts lottery”, 20 Februari 1951, hlm. 7.

<sup>95</sup> Terdapat banyak bukti yang menunjukkan *Fun Fair* dan loteri adalah dua perkara yang sinonim apabila dianjurkan. Contohnya aktiviti *Fun Fair* yang diadakan oleh Hospital Assunta, Petaling Jaya bertujuan untuk mengumpul dana hospital turut diselitkan permainan loteri. Lihat *Berita Harian*, “Fun fair di-P.Jaya”, 2 Mei 1959, hlm. 5. Antara lain, *Fun Fair* anjuran Persekutuan Perempuan-Perempuan Melayu Pulau Pinang yang diadakan di rumah anak-anak yatim Islam turut disertai cabutan loteri. Sebanyak 20 ribu tiket loteri dicetak dan dijual kepada orang ramai dengan harga 0.50 sen sehelai. Persatuan ini bekerjasama bersama-sama Jawatankuasa Memungut Derma Persatuan Kebajikan Islam Pulau Pinang dan Tabung Derma Anak-Anak Yatim Islam Pulau Pinang. Lihat *Berita Harian*, “Isteri Gabnor akan membuka pesta wanita2 Melayu”, 30 September 1961, hlm. 7. Persatuan Kebajikan Islam Pulau Pinang juga pernah mengadakan loteri di bawah kegiatan *Fun Fair* untuk mengumpul dana bagi membantu anak-anak yatim Muslim di Air Itam, Pulau Pinang. *The Straits Times*, “A lottery and a fun fair”, 17 Februari 1965, hlm. 7. Lihat *The Straits Times*, “Lottery draw at fun fair”, 6 Ogos 1956, hlm. 7. Lihat *The Straits Times*, “Convent fair”, 1 Februari 1968, hlm. 16. Lihat *The Straits Times*, “Lottery urged”, 30 Julai 1953, hlm. 4. Lihat *The Straits Times*, “Lottery date”, 12 Jun 1954, hlm. 8. Lihat *The Straits Times*, “Welfare fair”, 17 Disember 1959, hlm. 9. Lihat *The Straits Times*, “Fair put off”, 1 Disember 1967, hlm. 6. Lihat *The Straits Times*, “Food and fun”, 6 Disember 1967, hlm. 13.

<sup>96</sup> *The Straits Times*, “UMNO will start big sweep for welfare”, 16 September 1952, hlm. 4.

<sup>97</sup> *Berita Harian*, “Tengku na’ buka fun fair UMNO”, 6 April 1959, hlm. 1.

<sup>98</sup> *Berita Harian*, “Loteri untuk bangunan kaum Ibu UMNO K.L”, 13 April 1968, hlm. 10.

<sup>99</sup> *Berita Harian*, “Loteri untuk derma balai raya”, 7 Februari 1962, hlm. 2.

<sup>100</sup> *Berita Harian*, “Penduduk2 gempar hujan batu turun dengan lebatnya”, 13 Oktober 1959, hlm. 7.

<sup>101</sup> *Suara UMNO*, 1 Oktober 1953, hlm. 13.

<sup>102</sup> *Berita Harian*, “Anak perempuan Ghaffar Baba memenangi gelaran Ratu Batek”, 9 Oktober 1968, hlm. 7.

<sup>103</sup> *Berita Harian*, “14 kugiran bertanding untok rebut Piala Kejohanan Kugiran Melaka”, 5 Oktober 1968, hlm. 7.

<sup>104</sup> *Berita Harian*, “Pemuda anjor Pasar Ria”, 22 Februari 1966, hlm. 2.

- <sup>105</sup> *The Straits Times*, “UMNO will start big sweep for welfare” 16 September 1952, hlm. 4.
- <sup>106</sup> Ibid.
- <sup>107</sup> *Berita Harian*, “Pemuda UMNO akan menolong pelajar2 daif”, 13 Januari 1960, hlm. 5.
- <sup>108</sup> *Berita Harian*, 11 September 1965, hlm. 2. Lihat *Berita Harian*, “Trengganu menjadi chontoh negeri2 lain”, 18 September 1965, hlm. 5.
- <sup>109</sup> *Berita Harian*, “UMNO Sepang akan membantu sa-orang pelajar ka-universiti”, 22 Januari 1968, hlm. 6.
- <sup>110</sup> *Berita Harian*, “Loteri Kebajikan dan masyarakat”, 25 April 1961, hlm. 4.
- <sup>111</sup> Walaubagaimanapun, Mufti Palestin iaitu Tuan Amin Al-Husseini tidak memberikan respon fatwanya berkaitan loteri. *Berita Harian*, “Fatwa loteri Haji Amin belum diterima”, 29 Julai 1964, hlm. 5.
- <sup>112</sup> *Berita Harian*, “Loteri: sidang penting”. 5 Oktober 1961, hlm. 1.
- <sup>113</sup> *Berita Harian*, “Loteri: Maseh berupa soal hangat”, 10 Mei 1961, hlm. 4. Namun ada pandangan mengatakan bahawa pendapat Shaikh Abdul Rahman Isa bukanlah suatu fatwa tetapi ianya hanyalah satu pendapat orang alim sebagaimana ulama-ulama yang lain. Lihat *Berita Harian*, “Ini bukan-nya fatwa”, 15 April 1961, hlm. 6.
- <sup>114</sup> *Berita Harian*, “Loteri halal, kata Trengganu”, 29 September 1961, hlm. 1.
- <sup>115</sup> *Berita Harian*, “Surau terima wang loteri”, 17 Mac 1959, hlm. 2.
- <sup>116</sup> *Berita Harian*, “Loteri tetap haram, kata Ulama S’pura”, 14 April 1961, hlm. 2.
- <sup>117</sup> *Berita Harian*, “Loteri Kebajikan dan Masharakat kita”, 25 April 1961, hlm. 4.
- <sup>118</sup> *Utusan Melayu*, 19 Ogos 1951, hlm. 6.
- <sup>119</sup> Ahmad Izahan Bin Ibrahim dan Mohammad Redzuan Othman, “Perkembangan Parti Dan Kesedaran Politik Di Pasir Mas, Kelantan Sebelum Merdeka”, *Jurnal Jabatan Sejarah*, 2017, hlm. 185.
- <sup>120</sup> *Berita Harian*, “Ulama: Loteri tetap haram”, 1 Mei 1961, hlm. 2.
- <sup>121</sup> Ibid.
- <sup>122</sup> *Berita Harian*, “Gema pendapat Mufti Melaka: Mengapa diam di negeri sendiri sa-lama ini – Ra’ayat bertanya.” 22 Oktober 1961, hlm. 8.
- <sup>123</sup> *Berita Harian*, “Loteri: PAS sahaja bantah”, 29 Jun 1960, hlm. 1.
- <sup>124</sup> Ibid.
- <sup>125</sup> *The Straits Times*, “UMNO not show-off opera, says leader”, 5 Ogos 1952, hlm. 9.
- <sup>126</sup> *Berita Harian*, “PAS ulas putusan baru loteri”, 5 Julai 1963, hlm. 5. Antara sebab kelahiran parti PAS juga adalah disebabkan ketidakpuasan hati golongan agama terhadap UMNO yang dilihat tidak serius dalam memartabatkan Islam kerana membenarkan loteri serta *fun fair* dijalankan. Oleh itu pada tanggal 23 Ogos 1951, sebuah persatuan yang diwakili oleh para ulama iaitu Persatuan Ulama Se-Malaya ditubuhkan dan Haji Ahmad Fuad Hassan dilantik sebagai Yang Dipertua. Nama persatuan ini kemudiannya diubah kepada Persatuan Islam Se-Malaya (PAS) pada 24 November 1951. Lihat Ahmad Izahan Bin Ibrahim dan Mohammad Redzuan Othman, “Perkembangan Parti Dan Kesedaran Politik Di Pasir Mas, Kelantan Sebelum Merdeka”, *Jurnal Jabatan Sejarah*, 2017, hlm. 186.
- <sup>127</sup> *Berita Harian*, “Putusan PAS, Loteri haram”, 18 Disember 1959, hlm. 3.
- <sup>128</sup> *Berita Harian*, “Loteri: Kelantan di-sokong”, 22 Oktober 1961, hlm. 8.
- <sup>129</sup> Ibid.
- <sup>130</sup> *Berita Harian*, “Loteri PAS saja bantah”, 29 Jun 1960, hlm. 5.
- <sup>131</sup> Ibid.
- <sup>132</sup> *Berita Harian*, “Sekolah Menengah Sabak Bernam”, 18 Januari 1962, hlm. 2.
- <sup>133</sup> *Berita Harian*, “Sultan buka masjid di-Ipoh”, 18 Mac 1963, hlm. 1.
- <sup>134</sup> *Berita Harian*, “Sultan akan buka dewan”, 29 Mac 1962, hlm. 2.
- <sup>135</sup> *Berita Harian*, “Madrasah Puteri Kuala Trengganu”, 19 Disember 1965, hlm. 7.
- <sup>136</sup> *Berita Harian*, “Kelantan na’ tahan tiket2 loteri”, 9 Jun 1961, hlm. 1. Lihat *Berita Harian*, “Fatwa loteri di-jelaskan”, 30 September 1961, hlm. 5.
- <sup>137</sup> *Berita Harian*, “Wang loteri: Sultan memuji Kerajaan Pusat”, 23 November 1963, hlm. 5.

## Bibliografi

### Sumber Primer

- Berita Harian.*  
*Federation of Malaya Police Report, Ptg. 380/31/ Pol. 51A. No report 2091/53.*  
*Majalah UMNO 10 Tahun 1946 – 1956.*  
*Malaya Tribune.*  
*N.S. 1318/52.*  
*Suara UMNO.*  
*The Singapore Free Press.*  
*The Singapore Free Press and Mercantile Advertiser.*  
*The Singapore Free Press and Mercantile Advertiser (Weekly)*  
*The Straits Times.*  
UMNO.6/52. Bil.6. “Lottery Kebajikan UMNO Malaya”.  
UMNO/BD-6/53. “Keputusan Lottery Kebajikan UMNO Malaya”.  
UMNO.Bhg.BP/KLG.58/52 – 53.  
UMNO.Bhg.BP/KLG.58/52 – 53. “Lottery UMNO Malaya”.  
UMNO/BHG/T.5/53. “Lottery Kebajikan UMNO”.  
UMNO/BHG/T.5/53. “List tiket2 lottery yang telah di-beri ka-chawangan2 UMNO Perak”.  
UMNO/BJ-11/52. “Kira2 jualan Lottery UMNO”.  
UMNO/BS 76/52. “Permohonan Menjalankan Lottery U.M.N.O Bahagian Seremban dan membebaskan daripada bayaran chukai”.  
UMNO CH/Ktn.24/51. “Keputusan Lottery Kebajikan UMNO Malaya”.  
UMNO/KP.13/53/12.  
UMNO/KP.13/53/12. “Ticket No. 175411 – 175433, 175435 – 175450, 40 ticket”.  
UMNO/KP.13/53/17. “Ticket Lottery UMNO”.  
UMNO/KP.13/53/18.  
UMNO/KP.13/53/18. “Ticket2 Lottery UMNO”.  
UMNO/KP.13/53/23. “Ticket Lottery Kebajikan UMNO”.  
UMNO/KP.13/53/29. “Hutang Jualan Ticket2 Lottery”.  
UMNO/SEL 5/1953. “Surat Hasnul Abdul Hadi (Setiausaha, Pejabat Lottery dan Kebajikan UMNO) kepada semua Setiausaha Bahagian UMNO”.  
UMNO/SEL NO.5/53. “Lottery UMNO Malaya. Dibuka Pada 7.6.1953”.  
UMNO/SEL NO.5/53. “Surat oleh Abdul Karim Bakri (Setiausaha UMNO Bahagian Kuala Lumpur) kepada Messrs Y.C. Kang & Warren”.  
UMNO/SEL NO.5/53. “Peringatan, register nombor untuk di-gunakan oleh bahagian sahaja”.  
UMNO/SEL NO.5/53. “Lottery UMNO : Surat Keliling Bilangan 73/52”.  
UMNO/SEL NO.5/1953. “Lottery UMNO : Surat Keliling Bilangan 73/52”.  
UMNO/SG – 107/51. “UMNO Kelantan Building & Social Fund”.  
UMNO/SG NO.1/53. “Surat daripada Hasnul Abdul Hadi kepada Ahli2 Jawatankuasa Kerja Agong UMNO, Ahli2 Jawatankuasa Hal-Ehwal Wang, Ahli2 Jawatankuasa Lottery Kebajikan UMNO”.  
UMNO/SG NO.1/53. “Surat Setiausaha Loteri UMNO Malaya kepada Bendahari UMNO Malaya”.

- UMNO/SG NO.1/1953.  
UMNO/SG NO.1/1953. "Lottery No.1 – Dibuka Pada 19 June 1953".  
UMNO/SG NO - 1/1953. "Surat Cheok Lay Lock kepada Mrs Y.C.Kang & Warren".  
UMNO/SG NO.7/1950. "Hongkong & Shanghai Banking Corp. Johore Bharu".  
UMNO/SG-49/51. "Surat Keliling Bil : 73/52 Lottery UMNO".  
UMNO/SG.NO49/53. "Mesyuarat Jawatankuasa Lottery Kebajikan UMNO Bilangan 1/53".  
UMNO/SG.NO49/53. "Mesyuarat Jawatankuasa Lottery Kebajikan UMNO Bilangan 2/53".  
UMNO/SG NO.49/53. "Bayaran kepada Inche' Abdul Ghaffar Bn Othman, Bagan Datoh, Perak".  
UMNO/SG NO.49/53. "Bayaran kepada Inche' Sutan Bin Abd Aziz".  
UMNO/SG NO.49/53. "Printing 200,100 lottery tickets for UMNO".  
UMNO/SG.NO 49/53. "Mesyuarat Jawatankuasa Lottery Kebajikan UMNO Bilangan 1/53".  
UMNO/SG. no.49/53. "First UMNO Welfare Lottery Drawn On 19<sup>th</sup> June 1953".  
UMNO/SG-49/53. "Surat Keliling Bil : 44/53".  
UMNO/SG-49/53. "Surat Keliling Bil : 44/53, Mesyuarat Jawatankuasa Lottery Kebajikan UMNO Bilangan 1/53".  
UMNO/SG-49/53. "Surat Keliling Bil : 60/53".  
UMNO/SG-49/53. "Surat oleh Dr. Ismail Bin Abdul Rahman (Pengerusi Jawatankuasa Lottery UMNO) kepada semua ketua-ketua bahagian UMNO".  
UMNO/SG.NO.76/1946. "Proposal For A Lottery".  
UMNO/SG/07/1951. "Loteri UMNO Kelantan".  
UMNO/SG-S.J.49/53.  
UMNO/SG-S.J.49/53. "Surat Setiausaha UMNO bahagian Kota Tinggi kepada Setiausaha Agong UMNO".  
UMNO/Sg-Sub-Jacket-49/53. "Surat Keliling Bil : 65/53".  
UMNO/Sg-Sub-Jacket-49/53. "Surat Keliling Bil : 65/53. Keputusan Lottery Kebajikan UMNO Malaya".  
*Utusan Melayu.*

## Sumber Sekunder

- Ahmad Izahan Bin Ibrahim, Mohammad Redzuan Othman, "Perkembangan Parti Dan Kesedaran Politik Di Pasir Mas, Kelantan Sebelum Merdeka", *Jurnal Jabatan Sejarah*. Universiti Malaya. 2017.
- Dwi Redha Iktamala. "Kontroversi Lotto Dalam Pelaksanaan PON VII Tahun 1969 Di Surabaya", *e-Jurnal Pendidikan Sejarah*, Vol.3, Oktober 2015.
- Ermy Azziaty Rozali dan Mohammad Redzuan Othman, "Jalan Keselamatan Bagi Orang-Orang Melayu : Pemikiran Za'ba Bagi Memajukan Pendidikan Dan Ekonomi Pada Tahun 1920-an". *Journal of the Department of History*, 2017.
- Jamaie Haji Jamil, "Kepimpinan Politik : Pola Kepimpinan Politik UMNO". *Akademika* 62, Januari 2003.